

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. N... 85 My  
No Perolehan: T 0982  
Tarikh: 18 MAR 1984

MASALAH KEMISKINAN KAUM TANI  
(SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG SETAJAM)  
ENDAU, ROMPIN, PAHANG

Oleh

MUSTAFA KHAN BIN ABDUL SAMAT  
No. MATRIK 044096

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARI PADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1985/86

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat, taufiq dan hidayahnya dapat saya menyempurnakan kajian ilmiah sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang pengkhususan **disiplin** Antropologi dan Sosiologi. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Mohd Razali bin Agus yang telah memberi tunjuk ajar, panduan, cadangan dan bimbingan dengan tekun serta sabar sehingga terhasilnya latihan ilmiah ini. Segala jasanya tetap ku kenang.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak yang memberi sokongan dan kerjasama dalam usaha saya menyempurnakan latihan ilmiah ini. Mereka,

- Semua penduduk kampung Setajam, Endau, Rompin, Pahang.
- En. Mukhanis, Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan Luar Bandar, Rompin.
- Cikgu Sudirman bin Abdul Kadir.
- Semua pihak yang terlibat dan memberikan kerjasama.

Terima kasih juga diucapkan kepada Kak Zurina yang mengurus dan menaip latihan ilmiah ini.

Semoga Allah jualah yang dapat membala jasa-jasa mereka dan ku pohon doa agar kita bersama-sama hidup dalam keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kajian ini telah dijalankan di kampung Setajau, Endau, Negeri Sembilan. Selain itu ia adalah hasil penyelidikan berbagai Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, iaitu sesebuah kajian yang membentang pelanjang Kuala Lumpur.

Penulisan ini bukan di dalam kontext keseksian. Penasihatannya 25hb. Januari 1986.

Kajian ini merupakan suatu fenomena yang memiliki sejarah dan penyelidikan yang mendalam. Ia merupakan suatu fenomena yang memiliki sejarah dan penyelidikan yang mendalam.

**MUSTAFA KHAN B. ABDUL SAMAT**

menyatakan dan negara seluruhnya. Mengikut maklumat dikatakan oleh pengkaji tersebut dia buat mengenai maklumat kebiasaan ini. Kerajaan pale telah melancarkan berbagai rancangan dari Rancangan Malaysia Pertama (1961-1980) hingga ke Rancangan Malaysia Keempat (1986) untuk memfasilitasi permasalahan ini, namun kerakitan diria belum, menggantikan kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah merangkannya di dalam lima bah,

di dalamnya pertama diwawancara dengan beberapa pengaruh kajian, iklim kajian, keadaan-keadaan yang digunakan dalam kajian itu, maklumat-maklumat kajian dan cara-cara mengatasinya. Seperti yang di dalam bah kedua diberikan penorongan sepihak lalu mengambil maklumat kajian. Penorongan adalah meliputi latihan-latihan sejarah kajian, lekasi, struktur kependidikan, kegiatan akademik, politik, perniadbiran, organisasi sosial, keadaan infrastruktur dan sistem pengangguran. Manakala itu, teori-teori klasikisme dan aliran-aliran kebiasaan seperti ukuran-ukuran matik, ukuran perbandingan dan ukuran rasmuan antara matik dan perbandingan

## SINOPSIS

Kajian ini telah dijalankan di kampung Setajam, Endau, Rompin, Pahang. Tujuan kajian adalah untuk menyingkap berbagai keadaan sosio-ekonomi serta masalah-masalah yang membelenggu petani yang menyebabkan petani di dalam kemelut kemiskinan. Permasalahan kemiskinan merupakan suatu fenomena yang semakin serius yang mempunyai pengaruh dan implikasi yang mendalam terhadap sosio-ekonomi masyarakat dan negara seluruhnya. Banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar mengenai permasalahan kemiskinan ini. Kerajaan pula telah melancarkan berbagai rancangan dari Rancangan Malaysia Pertama (1961-1965) hingga ke Rancangan Malaysia Keempat (RME) untuk menyelesaikan permasalahan ini, namun kemiskinan terus berlaku. Bagi melengkapkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah menerangkannya di dalam lima bab.

Di dalam bab pertama diterangkan mengenai kepentingan kajian, bidang kajian, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian luar, kesulitan-kesulitan kajian dan cara-cara mengatasinya. Seterusnya di dalam bab kedua diberikan penerangan sepintas lalu mengenai latarbelakang tempat kajian. Penerangan adalah meliputi latarbelakang sejarah kampung, lokasi, struktur pendudukan, kegiatan ekonomi, politik, pentadbiran, organisasi sosial, kemudahan infrastruktur dan sistem pengangkutan. Manakala itu, teori-teori kemiskinan dan ukuran-ukuran kemiskinan seperti ukuran-ukuran mutlak, ukuran perbandingan dan ukuran campuran antara mutlak dan perbandingan

dihuraikan di dalam bab ketiga.

Di dalam bab keempat pula, kajian ini memerihalkan latar-belakang responden yang berkaitan dengan sosio-ekonomi. Antara perkara yang diselidiki adalah pola pemilikan tanah bergeran, pemilikan tanah tidak bergeran, kegunaan tanah, kos penanaman padi, pola pendapatan, pola perbelanjaan, simpinan (tabungan), hutang, sumber hutang, pemilikan harta, pelajaran ibu-bapa, pelajaran anak-anak dan kesihatan. Juga di dalam bab ini diterangkan masalah yang dihadapi dan mengesyorkan langkah-langkah yang difikirkan sesuai oleh pengkaji untuk mengurangkan atau mengatasi masalah petani di kampung kajian. Bab kelima pula merupakan bab kesimpulan dan rumusan daripada kajian. Di dalam bab ini juga menolak beberapa teori kemiskinan seperti teori budaya miskin oleh Oscar Lewis dan teori Parkinson serta juga beberapa teori terhadap kawasan kajian dan juga perbandingan dengan beberapa kajian kemiskinan yang lepas-lepas.

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Objektif	1
1.2	Ramalan Jawapan	1
1.3	Metodologi	2
1.4	Kawasan Kajian	2
1.5	Penyelidikan	2
1.6	Analisis Data	2
1.7	Kesimpulan	2
1.8	Perbandingan	2
1.9	Kelebihan dan	2

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>SINOPSIS</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>BAB I: PENGENALAN</b>	1
1. Pendahuluan	1
1.1 Tujuan Kajian	4
1.2 Bidang Kajian	6
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Kaedah Kajian	8
1.5 Kesulitan Kajian Dan Cara-Cara Mengatasinya	13
<b>BAB II: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN</b>	1
2.1 Latarbelakang Sejarah Kampung Setajam	18
2.2 Lokasi	20
2.3 Struktur Penduduk	20
2.4 Aktiviti Ekonomi	22
2.4.1 Menanam Padi	23
2.4.2 Menoreh Getah	23
2.4.3 Menangkap Ikan	23

2.5 Kegiatan Politik	24
2.6 Struktur Pentadbiran Kampung Setajam	27
2.7 Organisasi Sosial	29
2.8 Kemudahan Infrastruktur	30
2.9 Sistem Pengangkutan	31

### BAB III: TEORI DAN UKURAN KEMISKINAN

3.1 Teori-teori Kemiskinan	34
3.2 Ukuran-ukuran Kemiskinan	47

### BAB IV: ASPEK SOSIOEKONOMI PENDUDUK KAMPUNG SETAJAM

4.1 Pola Pemilikan Tanah	53
4.2 Kegunaan Tanah	59
4.3 Cara-cara Pemilikan Tanah	61
4.4 Pendapatan	63
4.5 Perbelanjaan	66
4.6 Jenis-jenis Pemilikan Yang Lain	71
4.7 Kemudahan Asas .	75
4.8 Pemasaran .	76
4.9 Simpanan Dan Hutang	78
4.10 Pinjaman Dan Hutang	81
4.11 Pelajaran	86
4.12 Pelajaran Anak-anak	88
4.13 Kesihatan	90

<b>BAB V: KESIMPULAN</b>	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>97</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>113</b>
<b>GAMBAR</b>		<b>Dua Surat</b>
<b>Jadual</b>		
<b>LAMPIRAN</b>		
Jadual 1	Tempat Asal Responden (Ketua Keluarga)	22
Jadual 2	Pola-pola Penilitian Tanah Bergeran	25
Jadual 3	Pola-pola Penilitian Tanah Sawah	27
Jadual 4	Jenis dan Luas Penggunaan Tanah	29
Jadual 5	Cara-cara Penilitian Tanah	31
Jadual 6	Pendapatan Bulanan Penduduk Kampung Betajam	63
Jadual 7	Perbelanjaan Bulanan Penduduk Kampung Betajam	67
Jadual 8	Perbelanjaan Baru Minus Penduduk Kampung Betajam	67
Jadual 9	Janaku Misk Yang Diliisap	69
Jadual 10	Rata Pengeluaran 3 ekar Sawah Secara Janaku	70
Jadual 11	Penilitian Harta Benda	72
Jadual 12	Jenis Dan Penilitian Binatang Ternakan	73
Jadual 13	Bantuan Ternakan (Loebu) 1969-1983	74
Jadual 14	Jumlah Merikanti, Keputihan, Asas	76

## SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>		<u>Muka Surat</u>
Jadual 1	Tempat Asal Responden (Ketua Keluarga)	22
Jadual 2	Pola-pola Pemilikan Tanah Bergeran	55
Jadual 3	Pola-pola Pemilikan Tanah Sawah	57
Jadual 4	Jenis dan Luas Penggunaan Tanah	59
Jadual 5	Cara-cara Pemilikan Tanah	61
Jadual 6	Pendapatan Bulanan Penduduk Kampung Setajam	63
Jadual 7	Perbelanjaan Bulanan Penduduk Kampung Setajam	67
Jadual 8	Perbelanjaan Makan Minum Penduduk Kampung Setajam	67
Jadual 9	Jenama Rokok Yang Dihisap	69
Jadual 10	Kos Pengeluaran 3 ekar Sawah Secara Kasar	70
Jadual 11	Pemilikan Harta Benda	72
Jadual 12	Jenis Dan Pemilikan Binatang Ternakan	73
Jadual 13	Bantuan Ternakan (Lembu) 1969-1983	74
Jadual 14	Jumlah Menikmati Kemudahan Asas	76

Jadual 15	Jumlah Jualan Padi	77
Jadual 16	Tempat Dan Jumlah Penyimpan	79
Jadual 17	Kategori Dan Jumlah Orang Berhutang	82
Jadual 18	Sumber Dan Bilangan Orang Berhutang	83
Jadual 19	Hutang Kedai Barang Di Kampung Setajam	84
Jadual 20	Tahap Pelajaran Ibubapa	87
Jadual 21	Pembahagian Tahap Pelajaran Bagi Anak-Anak Penduduk Kampung Setajam	88
Jadual 22	Kadar Kelahiran Bagi Ogos 1984 Hingga April 1985 Mengikut Jantina	91

## PENDAHULUAN

Kemiskinan<sup>1</sup> merupakan satu persoalan yang universal dan ianya merupakan fenomena sosial yang melanda masyarakat samada bandar, luarbandar serta melibatkan semua kaum dan agama. Ia adalah satu fenomena kekurangan atau ketiadaan yang melanda masyarakat bawahan. Lazimnya kemiskinan dikaitkan dengan daya pengeluaran yang rendah, gunatenaga tidak penuh, orang yang menganggur yang seterusnya menyebabkan masyarakat terus hidup di bawah purata pendapatan negara. Dengan demikian, pada hakikatnya, kemiskinan merupakan satu keadaan yang wujud di antara kelas atasan yang berada dengan kelas bawahan yang miskin. Keadaan ketidaksamaan ini mewujudkan satu polarisasi sosio-ekonomi yang mengarah kepada pengelompokan kuasa ke atas kebanyakan sumber kekayaan kepada satu-satu negara.

Di kalangan masyarakat Melayu desa kini, golongan petani dihimpit oleh polarisasi ini diperingkat kampung, negeri dan antarabangsa. Di kampung mereka ditekan oleh tuan tanah dan orang tengah, di peringkat negeri oleh golongan pemodal besar dan sekutunya dan peringkat antarabangsa petani mendapat kesan daripada tindak tanduk

1

Kemiskinan - pengertian yang berbeda-beda akibat pendekatan yang berlainan.

monopoli pemodal asing. Menyedari bahawa di negara ini petani merupakan golongan terbesar, maka kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Melalui strategi-strategi DEB (RMK 1971-75:5) yang menitikberatkan matlamat membasmi kemiskinan akan ditujukan untuk:-

- (i) Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang menghasilkan keluaran yang rendah dengan menggunakan teknik-teknik baharu dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik. Langkah-langkah bagi maksud ini termasuklah rancangan penanaman padi dua kali setahun, penanaman di luar musim, penanaman berselang-selang, kemudahan parit dan taliair. Langkah-langkah lain ialah memperbaiki kemudahan pemasaran, dan pinjaman, dan mengadakan bantuan kewangan dan teknik untuk perusahaan dan perniagaan-perniagaan kecil.
- (ii) Menambah peluang-peluang untuk menukar lapangan kegiatan daripada sektor yang rendah daya pengeluarannya kepada kegiatan-kegiatan disektor yang lebih menguntungkan seperti di dalam rancangan kemajuan tanah yang baharu, projek-projek perumahan dan perhutanan moden, perdagangan, perusahaan dan perkhidmatan moden; juga mengadakan bantuan-bantuan kewangan dan teknik, peluang-peluang mendapatkan pelajaran dan latihan serta susunan-susunan organisasi yang perlu untuk memudahkan penolakan ia dalam lapangan-lapangan moden.
- (iii) Mengadakan berbagai-bagai perkhidmatan sosial yang percuma atau dibantu, khususnya untuk memastikan taraf hidup golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Perkhidmatan-perkhidmatan

seumpama itu termasuklah projek-projek perumahan awam, bekalan elektrit, air dan kemudahan pengangkutan yang menggunakan bayaran lebih murah daripada sepatutnya, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran serta kemudahan-kemudahan berehat dan masyarakat.

Melalui strategi-strategi tersebut adalah diharapkan menjelang tahun 1990 kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan dengan berkesan. Pengagihan kekayaan dan kekuasaan yang tidak setara adalah satu aspek yang menjadi punca kemiskinan melanda negara kita. Apabila berlaku proses modernisasi dengan disertai oleh dasar ekonomi kapitalis barat yang mengutamakan modal maka beberapa golongan yang berharta dan berpengaruh diperingkat atasan dapat menguasai perkembangan ekonomi kita, sistem produksi, alat-alat teknologi jenis pelaburan arah perindustrian, orientasi perniagaan bentuk putaran yang segala-galanya mencerminkan kehendak serta kepentingan golongan ini. Dalam keadaan sedemikian taraf hidup kebanyakan orang tidak dapat diperbaiki dengan pesat. Akibatnya sebahagian besar daripada golongan kebanyakan terus terjerumus dalam jurang kemiskinan.

Dengan demikian persoalan kemiskinan dapat dilihat kepada lima faktor utama yang saling berhubungan, iaitu jumlah penduduk, kedudukan sumber alam, kestabilan politik, daya pengeluaran dan tenaga pakar. Semua faktor ini menentukan keadaan kemiskinan itu wujud atau tidak. Sebagai lazimnya kawasan luarbandar khususnya dalam bidang pertanian lima faktor ini tidak seimbang. Kedudukan

tidak seimbang antara jumlah penduduk yang berlebihan dengan sumber alam tidak dipergunakan sepenuhnya oleh kekurangan tenaga pakar disebabkan keadaan politik yang tidak stabil (terutamanya negara sedang membangun seperti di Asia dan Afrika) yang menyebabkan daya pengeluaran menjadi kurang. Dalam keadaan yang tidak seimbang seperti ini negara itu akan mewujudkan rakyat yang miskin. Dengan demikian berbagai tafsiran dan penjelasan bagi menerangkan punca-punca yang membawa kepada wujudnya kemiskinan serta mencadangkan alternatifnya sekali namun kemiskinan terus melanda masyarakat, sebagai fenomena sosial yang sukar dikesani.

### 1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan di kampung Setajam Endau, Rompin, Pahang. Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan untuk melihat dan mengkaji kemiskinan dan masalah yang wujud di kalangan petani. Dengan adanya kajian kes seperti ini adalah diharapkan dapat mengetahui kedudukan sebenarnya petani di kampung ini dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Ini kerana kita selalu mendengar kemiskinan di kalangan petani dan masalah-masalah yang dihadapi. Namun setiap tempat, kemiskinan dan masalah yang dihadapi adalah berbeda-beda. Dengan adanya kajian kes ini dapat mendedahkan segala masalah yang membelengu mereka serta mencadangkan alternatif ke arah jalan penyelesaiannya.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah kesannya kepada petani kampung Setajam, setelah mereka meneroka

secara haram tanah sawah yang terletak di dalam kawasan Projek Sawah Endau-Rompin<sup>1</sup> pada tahun 1977. Di samping itu, dengan adanya kajian kes ini maka kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dapat dinilaikan keberkesanannya dan kejayaannya dalam mengurangkan kemiskinan petani di luar bandar. Ini kerana DEB yang dilancarkan sejak 1970 akan tamat tempohnya pada tahun 1990. Dengan ini adalah diharapkan kajian kes yang dijalankan ini dapat mewakili keseluruhan penduduk kampung Setajam.

1

Projek Sawah Endau-Rompin merupakan rancangan projek jelapang padi di Negeri Pahang seluas 3225 hektar yang terletak di kawasan Tebing Kanan Anak Endau (lihat peta-lampiran). Kawasan kajian (sawah bagi penduduk kampung Setajam) merupakan salah satu kawasan sawah yang termasuk di dalam peta projek ini. Penduduk tempatan kampung Setajam bersama dengan golongan mendatang (lihat bab I) telah meneroka tanah sawah kawasan projek ini secara besar-besaran dalam tahun 1977. Kemudian pihak projek Sawah Endau-Rompin hanya membersihkan saki baki hutan untuk dijadikan sawah pada tahun 1979. Projek sawah Endau-Rompin masih belum dijalankan sepenuhnya di kampung Setajam oleh pihak projek ini. Ianya dijangkakan siap dengan sepenuhnya pada akhir tahun 1987 dengan segala kemudahan seperti empangan dan taliair, rumah di samping penggunaan dalam pengeluaran seperti penyediaan jentera, baja, racun dan pemasaran adalah di bawah pengawasan pihak projek sawah Endau-Rompin. Apabila siap sepenuhnya nanti kawasan sawah akan dibahagikan mengikut blok. Setiap blok luasnya 120 ekar dengan 10 ketua keluarga. Pemilihan peserta adalah dilakukan oleh Lembaga Pemilih Projek Sawah Endau-Rompin. Had umur ditentukan iaitu 45 tahun ke bawah. Dengan ini tidak semua petani yang yang mengerjakan sawah ini seorang mendapat tanah sawah kelak. Petani dikenakan membayar balik segala kos untuk projek melalui penjualan hasil padi nanti. Setakat ini projek sawah Endau-Rompin telah meminjam sejumlah 80 juta dollar U.S. daripada Bank Dunia.

#### Matlamat Projek Sawah Endau-Rompin

1. Menaikan taraf penduduk luar bandar.
2. Meninggikan pendapatan petani.
3. Penanaman padi dua kali setahun.

## 1.2 Bidang Kajian

Dalam kajian kes ini, pengkaji akan menganalisa sejauh manakah perhubungan dan perkaitan antara kemiskinan yang melanda mereka dengan masalah yang mereka hadapi. Kajian kes ini akan lebih ditumpukan kepada aspek ekonomi dan sosial kerana aspek-aspek inilah yang selalunya memberikan kesan yang besar kepada keadaan kehidupan samada miskin atau kaya.

Dalam aspek ekonomi, tinjauan dibuat mengenai pendapatan perbelanjaan, pekerjaan, pemilihan tanah, pemilihan harta, kegunaan tanah simpanan atau pelaburan dan hutang. Dalam aspek sosial pula ialah seperti pelajaran, kesihatan, kemudahan infrastruktur kegiatan berpersatuan dan sikap. Selain daripada itu aspek politik dan struktur pentadbiran turut juga dianalisa dalam kajian kes ini.

Kajian ke atas masalah-masalah yang dihadapi pula merupakan kajian ke atas masalah-masalah yang berhubungan dengan penduduk kampung ini khususnya masalah-masalah yang berhubung dalam bidang pertanian. Kajian ini lebih ditumpukan kepada tiga pekerjaan pertanian di kampung ini ialah bersawah, padi, menoreh getah

4. Menggalakan pertanian cara moden dengan penggunaan jentera, baja kimia dan pertanian cara komersial secara besar-besaran.
5. Menempatkan penduduk yang berselerak kepada lebih tersusun dan teratur.
6. Penjualan dalam negara untuk menambahkan sumber pendapatan negeri.
7. Pengeluaran 50% daripada pengeluaran padi negeri.

dan menangkap ikan. Walaupun begitu tidak bermakna kajian ini tidak menyelidiki penduduk yang melibatkan dalam pekerjaan lain seperti pekedai, makan gaji dan buruh kontrak. Pengkajian mengenai kemiskinan ekonomi dan bukan ekonomi ini sama-sama diberikan penerusan dalam kajian kerana kedua-dua bidang saling berkaitan sebagaimana yang ditegaskan oleh Nordin Selat (1978:93) kemiskinan mencetuskan kemiskinan yang lain.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kemiskinan telah banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik disebabkan kemiskinan merupakan gejala sosial yang melanda di seluruh pelusuk dunia. Ianya ditulis oleh orang-orang dari berbagai bidang dan lapangan ilmu seperti ekonomi, sejarah, geografi, politik dan antropologi dan sosiologi terutamanya. Sarjana tempatan yang paling awal (1923) menulis mengenai kemiskinan ialah Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dengan bukunya yang bertajuk Jejak-jejak di Pantai Zaman. Penyelidik tempatan yang sering menulis mengenai kemiskinan ialah Syed Husin Ali (1975, 1976, 1978, 1983) dan Ungku Abd. Aziz (1959, 1964, 1975). Kemiskinan merupakan topik yang selalu ditulis oleh mahasiswa-mahasiswa universiti-universiti tempatan. Dengan demikian kajian mengenai kemiskinan ini dianggap penting memandangkan Malaysia sebagai negara sedang membangun tidak tersisih dari gejala kemiskinan.

Kajian ini yang dilakukan merupakan kajian ke atas petani. Aspek sosio-ekonomi petani sebagai satu kelompok manusia yang tidak

berkemampuan ini sangat perlu diberi perhatian kerana mereka masih jauh ketinggalan dalam aspek ekonomi, sosial dan politik, jika dibandingkan dengan komuniti peniaga dan makan gaji. Dengan demikian kajian ini penting bagi mengetahui faktor-faktor yang menyeret mereka dalam lurah kemiskinan atau apakah kemiskinan petani itu disebabkan sikap mereka seperti dingin terhadap pembaharuan oleh kerajaan, malas bekerja ataupun kegagalan pihak berwajib dalam memenuhi kehendak mereka seperti pemilikan tanah, pengairan, penanaman dan sistem kredit. Pekerjaan utama petani di sini ialah bertanam padi (86%) daripada 50 responden dan ini cuba melihat apakah benar bahawa bidang penanaman padi merupakan bidang yang tidak ekonomik.

Selain dari itu, walaupun kampung Setajam merupakan kampung tradisional namun ianya masih dalam kemunduran. Akhir sekali kajian ini adalah penting memandangkan kampung Setajam belum pernah dibuat penyelidikan khusus dalam kemiskinan oleh mana-mana pengkaji.

#### 1.4 Kaedah Kajian

Bagi mencapai tahap keobjektifan yang tinggi, setiap kajian tidak harus bergantung kepada satu teknik penyelidikan. Dengan penggunaan berbagai teknik ianya akan menghasilkan butir-butir yang lebih tepat dan lebih saintifik. Dengan itu dalam kajian ini, beberapa kaedah-kaedah telah digunakan. Antaranya:-

a) Persampelan Sistematik

Teknik persampelan ini dilakukan dengan cara rawak mudah. Dengan demikian setiap sampel mempunyai peluang untuk dipilih. Ini adalah agar sampel yang dipilih dapat mewakili seluruh komuniti. Pengkaji telah mengambil sebanyak 200 rumahtangga sebagai senarai sampel. Daripada 200 buah sampel yang diperlukan untuk soalselidik ialah sebanyak 50. Dengan demikian sampel yang bernombor 4,8,12... .... 50 sahaja yang dipilih. Agar segala data yang diperolehi adalah lengkap dan tepat maka pengkaji hanya mengadakan soalselidik dengan ketua keluarga sahaja.

b) Soalselidik

Penggunaan borang soalselidik merupakan teknik yang utama untuk mendapatkan data. Dalam kajian ini borang soalselidik telah disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Pengkaji mendapat tunjuk ajar daripada beberapa orang kakitangan akademik Institut Pengajian Tinggi, pihak jabatan dan penyelia luar Dr. Ahmad Kamar Abdul Rahman.

Borang soalselidik yang dibekalkan ini terdapat dua bentuk.

1. Soalan tertutup (closed ended question)
2. Soalan terbuka (open ended question)

**1. Soalan Tertutup**

Dalam soalan tertutup, jawapan telahpun disediakan. Ianya merupakan bentuk soaljawab yang mempunyai bermacam-macam pilihan (multiple choice) dan responden tidak dapat lari dari menjawab salah satu dari jawapan yang disediakan. Walaupun bentuk soalan ini memudahkan responden tanpa berfikir panjang tetapi ianya mengikat responden yang berkemungkinan mempunyai jawapan lain selain daripada yang disediakan. Namun bentuk ini menjimatkan masa dan tidak mengelirukan responden. Soalan tertutup ini seperti;

Soalan 6, halaman 10

**6. Sebaik-baik peninggalan untuk anak-anak**

Kod	Jawapan
-----	---------

1. Nama baik
2. Wang
3. Tanah/harta
4. Pelajaran
5. Pendidikan agama
6. Sifat jimat cermat
7. Lain-lain

**2. Soalan Terbuka**

Dalam soalan terbuka ini responden bebas memberi jawapan tanpa terikat oleh mana-mana jawapan seperti dalam soalan tertutup. Sellitz (1959-1979) mengatakan bahawa soalan terbuka bertujuan,

"... to permit free response from the subject rather than one limited to state alternative ... The respondent are given the opportunity to answer in their own frame of reference".

Di sini responden diberi peluang yang bebas memberikan pandangan dan pemikiran mereka memberikan jawapan. Soalan terbuka ini terdapat dalam soalselidik halaman 9 bahagian a: Pendapat dan Perspektif.

1. Apakah saudara/i ingin tinggal selama-lamanya di kampung ini?  
Mengapa? .....

Contoh jawapan yang diberi oleh responden adalah berbeda seperti:

- i. "Pak Cik ingin tinggal selama-lamanya di kampung ini kerana tidak ada kawasan lain lagi".
- ii. "Pak Cik ingin tinggal selama-lamanya di kampung ini kerana Pak Cik sekarang sudah tua dan tiada harapan lagi untuk berpindah".
- iii. "Saya tidak dapat tahu kerana ikut keadaan, kalau tanah senang dan dapat tanah saya terus tinggal dan kalau lebih teruk lagi saya akan pindah".

#### C. Pemerhatian dan Pemerhatian Turutserta

Pemerhatian dan pemerhatian turut serta dilakukan bagi menampung dan menutup kelemahan yang timbul dalam kaedah penggunaan borang soalselidik. Dengan kaedah ini penyelidik dapat memerhatikan gerak gerinya sekali. Kaedah pemerhatian dan pemerhatian turut serta boleh mendapatkan data yang setepat mungkin. Menurut Sellitz

(1959:200).

"Observation is not only of the most pervasive activities of daily life, it is a primary tool of scientific inquiry".

Dengan cara ini pengkaji dapat merasai sendiri dan menyelami ke dalam masalah dan keadaan sebenar petani di kawasan kajian. Pengkaji melakukan penyertaan turutserta seperti dalam pekerjaan, sukan, aktiviti sosial dan sambil memerhati pengkaji mencari data-data yang sesuai dalam mana tidak diperolehi melalui borang soalselidik.

#### **D. Temubual**

Temubual dijalankan secara informal untuk melengkapkan maklumat yang diperolehi serta menampung yang tidak dipenuhi melalui borang soalselidik dan juga pemerhatian dan pemerhatian turutserta. Temubual ini adalah mendapatkan maklumat dari mulut responden sendiri. Dengan cara ini dapat berinteraksi lebih rapat dengan responden. Selain daripada mengadakan temubual dengan orang kampung yang berkaitan, pengkaji juga mengadakan temubual dengan Penolong Pegawai Daerah, Pengarah Komponen Projek Endau-Rompin, Ketua Lembaga Pertubuhan Peladang Rompin, Ketua Jabatan Haiwan Rompin, Penghulu Endau, Ketua Kampung, Guru Besar Sekolah Tanjong Gemok dan Sek. Rendah Kebangsaan Pianggu dan Ketua Klinik Kampung Pianggu.

Selain daripada itu, pengkaji juga sambil berbual-bual seperti di Masjid, padang bola, rumah kenduri ataupun aktiviti

penduduk kampung yang pengkaji turutserta, pengkaji menyelitkan beberapa soalan secara tidak langsung dalam masa perbualan.

#### E. Data-Data Sekunder (Secondary Data)

Kajian ini diperluaskan lagi dengan mengutip data-data sekunder. Data-data ini diperolehi dari Pejabat Daerah Rompin, Projek Sawah Endau-Rompin, Lembaga Pertubuhan Peladang Rompin, Jabatan Pertanian Rompin dan Jabatan Haiwan Rompin. Data-data juga diperolehi daripada buku-buku, latihan ilmiah yang lepas-lepas, laporan-laporan dan makalah akhbar-akhbar dan lain-lain bahan bertulis yang ada hubungan dengan topik kajian. Dengan cara ini membolehkan pengkaji untuk mengetahui dasar-dasar utama dan gambaran-gambaran umum seperti konsep-konsep dan teori-teori dari pada buku-buku dan bahan bertulis.

#### 1.5 Kesulitan Kajian dan Cara-Cara Mengatasinya

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menghadapi berbagai-bagai masalah. Masalah-masalah tersebut ialah:

Pertama, bagi mendapatkan data yang tepat dan benar. Ini disebabkan kajian ini menyentuh soal-soal peribadi seperti pendapatan, pemilikan tanah, hutang, parti politik serta hal-hal rumah-tangga. Dengan demikian jawapan yang diberi adalah bergantung kepada perhubungan dan pandangan responden sahaja. Umpamanya dari segi hutang mereka segan untuk memberitahu jumlah hutang, walaupun

mereka mengatakan mereka mempunyai hutang. Terdapat juga responden yang mengatakan mempunyai hutang tetapi tidak ingat secara tepat dan cuma mengagakannya sahaja. Bagi yang bergadai pula, mereka segan untuk memberitahu jumlah gadaian dan samada gadaian itu dapat ditebus atau tidak.

Kedua, mengenai pendapatan, angka yang tepat sukar di-perolehi. Ini kerana pekerjaan responden tidak berpendapatan tetap dan tiadanya pekerjaan tetap. Mereka bersawah setahun sekali dan hasil pengeluaran pula adalah tidak tetap. Bagi penoreh getah pula mereka menoreh tidak hari-hari disebabkan hujan ataupun melakukan kerja lain. Begitu juga nelayan, tangkapan adalah tidak tetap dan turun ke laut atau sungai adalah tidak tentu. Bagi pesawah pula musim tidak bersawah mereka pergi kerja ke luar kampung seperti kontrak. Kadangkala jawapan yang diberi adalah sukar dipercayai dimana terdapat responden yang mengatakan pendapatan \$60 dan \$80 sebulan sedangkan mereka mempunyai anak sekolah dan tanggungan lebih dari empat orang.

Ketiga, ialah sukar untuk menemui responden. Ini kerana masa kajian adalah masa menuai. Ketindaan responden yang dipilih untuk disoalselidik semasa pengkaji pergi kali kedua merupakan masalah yang rumit. Ini adalah kerana responden tersebut pergi bekerja kontrak di luar kampung ataupun balik kampung asal (bagi golongan mendatang).

Keempat, terdapat kedudukan rumah yang terpencil dan tersorok. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa berhati-hati untuk mengelakkan tertinggal dan masa yang lama diperlukan untuk pergi dari satu rumah ke satu rumah lain.

Kelima, soalan dalam borang soalselidik adalah panjang (21 muka). Untuk menghabiskan satu borang soalselidik memakan masa antara satu jam setengah hingga dua jam setengah mengikut kefahaman responden. Ini kerana setengah responden kurang faham dengan soalan dan perlu diterangkan terlebih dahulu. Ada juga responden yang bercerita panjang jika bahagian tersebut sesuai dengan minat dan masalahnya seperti bahagian tanah dan politik.

Keenam, tempat kajian sangat jauh dari rumah pengkaji<sup>1</sup> iaitu lebih kurang 325km. Pengkaji terpaksa menggunakan wang yang banyak untuk perjalanan ke sini. Walaupun pengkaji mendapat bantuan kewangan, namun kesulitan wang tetap dihadapi kerana tinggal dalam tempoh sebulan (April-Mei).

Ketujuh, terdapat salah anggapan kepada pengkaji. Mereka menyangkakan pengkaji dari pihak kerajaan ataupun dari Pihak Projek Sawah Endau-Rompin. Dengan demikian adalah diragukan tentang jawapan mereka terutamanya yang berkaitan dengan politik.

---

L

Rumah pengkaji ialah di Kuala Krau, Mentakab, Pahang.

### Cara-Cara Mengatasi Kesulitan

Mengenai masalah pertama, pengkaji menerangkan secara detail tujuan kajian. Kajian ini adalah mengenai kemiskinan, dengan demikian ia sudah tentunya melibatkan pertanyaan mengenai hutang dan bukannya tujuan pengkaji untuk mengetahui hutang mereka. Dengan mengetahui mengenai hutang, maka dapatlah dinilaikan sejauh manakah taraf kemiskinan yang menimpa petani di sini.

Bagi pendapatan pula, pengkaji terpaksa menggunakan secara logik bagi responden yang memberikan pendapatan yang tidak logik seperti pendapatan \$80 sebulan sedangkan mempunyai anak sekolah dan tanggungan empat orang. Di samping itu juga cuba membandingkan dengan jumlah perbelanjaan mereka. Bagi penoreh getah, pengkaji bertanya berapa ringgit dalam sehari dan dalam sebulan berapa hari pada kebiasaan dapat menoreh. Dengan cara ini pengkaji dapat membuat agakan dengan lebih tepat bagi jawapan pendapatan yang tidak logik.

Bagi masalah ketiga ianya diatasi dengan membuat temu janji pergi sebelah petang ataupun kadangkala pada waktu malam. Ketiadaan responden terpilih, pengkaji menggantikan dengan responden lain yang dikirakan sama taraf dengan responden yang terpilih.

Pengkaji terpaksa mengambil seorang pembantu<sup>1</sup> untuk menunjukkan rumah yang terpencil dan tersorok agar tidak tertinggal dalam

---

<sup>1</sup> Pembantu tersebut ialah Nordin b. Abdul Manaf.

'listing' dan juga menyenangkan pengkaji mengetahui rumah responden yang terpilih kajian soalselidik, apabila pergi kali kedua. Untuk menyingkatkan masa pengkaji menggunakan motorsikal.

Untuk menyingkatkan masa responden menjawab soalan pengkaji menanyakan dahulu samada responden benar-benar faham dengan soalan tersebut. Jika dia kurang faham, pengkaji menerangkan terlebih dahulu agar jawapan yang diberi adalah tepat dan tidak membincangkan perkara yang tidak berkaitan dengan bidang kajian.

Berikut cerita, kampung Betjum yang semula dibentuk sebagai sebuah St. Casel, selaras ini dibentuknya di pada akhir yang berterusan. Kampung ini merupakan sebuah jajahan yang sangat kecil ukurannya di bawah tiga hektar. Penduduknya dalam jumlah penduduknya, penduduknya ini berisikan apabila pelimpahan 1500 orang sejak menduduki setia. Apabila pelancong diliputi oleh suasana dan perasaan kerja seseorang seperti pening dan rasa ketakutan yang teringgal, bandar itu akan diambil alih dan dilupakan. Penduduk Betjum ini merupakan seorang ketua kampung Betjum. Beliau merupakan bekas Ketua Kampung dan bekas Ketua UPM dan menjadi Ketua UNO pada tahun 1952. Segala cerita yang disampaikan adalah warisan cerita dari ayah beliau HJ. Jaafar.

---

<sup>2</sup>Pengkaji telah mengalihaksaraan temuilah dengan Hj. Abdul Rahman b. Hj. Jaafar pada 20.4.85. Beliau adalah orang yang tungku tertua (82 tahun) di kampung Piangan yang mengalihaksaraan tentang asal-usul kampung Betjum. Di sini pengkaji memilih beliau kerana tidak ada golongan tua di kampung Betjum yang mengalihaksaraan bahawa bahawa sejarah kampung Betjum. Beliau merupakan bekas Ketua Kampung dan bekas Ketua UPM dan menjadi Ketua UNO pada tahun 1952. Segala cerita yang disampaikan adalah warisan cerita dari ayah beliau HJ. Jaafar.

## BAB II

### LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

#### 2.1 Latarbelakang Sejarah Kampung Setajam

Tidak dapat dipastikan asal-usul nama kampung Setajam. Ini kerana tiadanya bukti-bukti konkret dari sejarah. Dalam hal ini pengkaji cuma mendapat latarbelakang sejarah kampung Setajam hanya melalui cerita-cerita<sup>1</sup> sahaja.

Menurut cerita, kampung Setajam pada asalnya dikenali sebagai Si Comel. Gelaran ini diberi disebabkan di kuala sungai yang merentasi kampung ini terdapat sebuah perahu yang sangat cantik ukirannya di mana tiada tolok bandingannya dengan perahu-perahu lain. Pertukaran nama ini berlaku apabila sekumpulan (5 orang pergi mencari bahan-bahan hutan. Apabila pulang didapati bekalan dan peralatan kerja mereka seperti parang dan kapak telah tertinggal. Apabila dituruti kembali didapati peralatan tersebut tertinggal di kawasan mereka menajam kayu. Dari peristiwa itu

<sup>1</sup> Pengkaji telah mengadakan temubual dengan Hj. Abdul Rahman b. Hj. Jaafar pada 20.4.85. Beliau adalah orang yang tertua (82 tahun) di kampung Pianggu yang mengetahui tentang asal-usul kampung Setajam. Di sini pengkaji memilih beliau kerana tidak ada golongan tua di kampung Setajam yang mengetahui latarbelakang sejarah kampung Setajam. Beliau merupakan bekas Ketua Kampung dan bekas Ketua UMNO dan menjadi Ketua UMNO pada tahun 1952. Segala cerita yang disampaikan adalah warisan cerita dari ayah beliau Hj. Jaafar.

mereka menamakan kawasan tersebut sebagai 'Setajam' kerana baru sekali pergi telah tercicir barang-barang dan ianya tercicir di tempat menajam kayu.

Manakala Mentara pula mendapat nama tersebut kerana kawasan ini adalah tempat menunggu ataupun persinggahan sementara untuk belayar ataupun menyeberang ke Pekan Endau pada zaman dahulu. Lantang pula mendapat nama kerana di kawasan tersebut terdapat banyak sejenis pokok yang dinamakan Lantang yang tidak terdapat di tempat lain. Nama Setajam Barat diberikan kepada kawasan sekitar sawah kerana ianya terletak di kawasan darat iaitu barat kampung Setajam yang dibuka pada tahun 1977.

Mengenai tarikh kampung Setajam dibuka tidak dapat diketahui dengan tepat. Menurut pencerita (Haji Abdul Rahman Haji Jaafar) bahawa ayah beliau datang ke kawasan ini didapati kampung Setajam telahpun diduduki orang. Pada masa itu kampung Setajam masih lagi dikenali Si Comel. Pencerita sendiri adalah dilahirkan di sini pada tahun 1903. Daripada kajian, pengkaji mendapati golongan tua yang berumur 70 tahun ke atas adalah dilahirkan di sini. Dengan demikian adalah dianggarkan bahawa kampung Setajam telah wujud sebelum kurun ke 20 (1900) lagi. Daripada anggaran tarikh ini maka kampung Setajam merupakan sebuah kampung tradisional.

### 2.3 Lokasi

Kampung Setajam terletak di dalam mukim Endau dalam daerah Rompin Pahang. Jaraknya kira-kira 4.8 kilometer dari pekan Endau Johor jika mengikut jalan darat dan menaiki feri yang menyeberangi Sungai Anak Endau. Selain dari itu jika mengikut jalan air melalui Sungai Endau ataupun menyeberang melalui motor penambang di kampung Pianggu jaraknya adalah dua kilometer, jaraknya dari Rompin adalah 26 kilometer.

Sebagai sebuah kampung yang terletak di tebing Sungai Anak Endau dan Sungai Endau ianya menjadi kampung pemisah antara Negeri Pahang dan Johor kerana Sungai Endau merupakan sempadan antara negeri Pahang dengan Negeri Johor. Di sebelah utaranya bersempadan dengan kampung Penambang dan Selatan kampung Pianggu yang dipisahkan oleh Sungai Ranjing dan Lantang. Sementara itu di sebelah barat pula adalah bersempadan dengan kawasan Sawah Endau-Rompin dan sebelah timur adalah Sungai Endau yang menjadi sempadan dengan Negeri Johor. Keadaan mukabuminya yang mendatar menyebabkan kampung Setajam sebagai kawasan yang sesuai dengan tanaman padi, getah dan pokok buah-buahan. Kedudukannya yang mengadap sungai Endau dan berhampiran dengan laut (3 kilometer) menyebabkan kegiatan perikanan juga menjadi pekerjaan penduduk kampung Setajam.

### 2.4 Struktur Penduduk

Penduduk kampung Setajam ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Penduduk asal
2. Penduduk yang mendatang

Penduduk asal ini adalah bertumpu terutamanya di kampung Setajam, Mentara dan Lantang. Sementara itu penduduk mendatang pula adalah bertumpu di kampung Setajam Barat, Mentara, Lantang dan Setajam<sup>1</sup>. Pada masa sekarang jumlah penduduk kampung Setajam adalah seramai 1,1592 di mana 100% adalah Melayu.

Penduduk yang mendatang merupakan majoriti penduduk kampung ini di mana 923 orang dari pada 1159 orang iaitu membentuk lebih kurang 79%<sup>2</sup> penduduk kampung ini. Ini adalah akibat kemasukan beramai-ramai terutamanya tahun 1977-1978 akibat penerokaan haram tanah sawah projek sawah Endau-Rompin. Kebanyakan penduduk mendatang adalah berasal dari Kedah, Perlis, dan Perak seperti di-nyatakan dalam jadual 1 hasil soalselidik terhadap 50 responden.

1

Kampung Mentara, Lantang dan Setajam Barat merupakan kampung yang terletak di bawah pentadbiran Tok Sidang Setajam. Setajam Darat pula adalah kampung yang dibuka pada tahun 1977 iaitu kampung di kawasan penanaman padi. Di sini apabila menyebut kampung Setajam ianya meliputi kesemua kampung tersebut.

2

Hasil banci yang dibuat melalui listing.

Jadual ITempat Asal Responden (Ketua Keluarga)

Negeri	Bilangan	Peratus
Pahang	10	20
Kedah	35	70
Perlis	3	6
Perak	2	4

2.4 Aktiviti Ekonomi

Pertanian merupakan kegiatan ekonomi yang utama bagi penduduk kampung ini. Daripada keseluruhan penduduk (223 buah keluarga) cuma terdapat enam orang ketua keluarga yang bekerja makan gaji<sup>1</sup>. Walaupun di kampung ini terdapat golongan peniaga namun ianya tetap terlibat dengan kegiatan pertanian. Kegiatan pertanian di kampung ini boleh dibahagikan kepada 3 kategori utama mengikut kepentingan,

1. Penanaman Padi
2. Menoreh Getah
3. Menangkap Ikan

<sup>1</sup>

Hasil banci yang dibuat melalui 'listing'.

#### 2.4.1 Penanaman Padi

Penanaman padi menjadi kegiatan ekonomi yang penting sejak pembukaan sawah oleh petani di kawasan Projek Sawah Endau-Rompin pada tahun 1977. Sebelum itu penanaman padi cuma untuk keperluan sendiri dan tidak ada penjualan sebagai sumber kewangan. Penanaman padi di sini dilakukan setahun sekali. Hasil kajian yang dilakukan terhadap 50 responden, 28 orang (56%) menjadikan penanaman padi sebagai pekerjaan utama mereka.

#### 2.4.2 Menoreh Getah

Sebelum pembukaan sawah Endau-Rompin, menoreh getah merupakan sumber pendapatan yang utama bagi penduduk Setajam. Namun begitu, menoreh getah cuma dilakukan oleh penduduk tempatan (4 orang daripada 10 responden penduduk tempatan yang disoalselidik). Walaupun mereka menoreh getah, mereka juga melakukan penanaman padi, kekurangan golongan yang menoreh getah pada masa ini akibat banyak pokok getah yang sudah tua dan penanaman semula (masih tidak dapat ditoreh).

#### 2.4.3 Menangkap Ikan

Menangkap ikan dan udang galah dilakukan oleh penduduk di kampung ini secara kecil-kecilan. Mereka menangkap ikan samada ikan sawah, sungai dan laut. Udang yang ditangkap adalah udang sungai di Sungai Endau dan Sungai Anak Endau. Namun begitu mereka

mengusahakan secara kecil-kecilan sahaja dengan menggunakan bubi, bot-bot kecil atau perahu dan pukat. Pukat kecil yang hanya boleh digunakan untuk tangkapan di tepi pantai sahaja. Selain daripada kegunaan sendiri ianya juga menjadi sumber pendapatan.

Dimasa lapang dan tidak musim menanam padi penduduk di sini mengambil upah seperti menebas, kontrak (terutamanya kerja kontrak di Singapura), memanjat dan mengupas kelapa (di kampung lain). Selain dari itu ada yang berniaga kedai runcit, menjaja, bekerja makan gaji samada kerajaan atau swasta. Bagi penduduk tempatan, mereka juga memperolehi sumber pendapatan daripada dusun buah-buahan seperti durian, rambutan, langsat dan manggis yang pada kebiasaannya berbuah setahun sekali.

## 2.5 Kegiatan Politik

Sebagai kampung yang penduduknya 100% Melayu dan terletak di kawasan luar bandar maka parti politik yang bertapak di kampung ini cuma parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan parti Islam SeMalaysia (PAS). Bagi parti-parti lain seperti DAP, PSRM, Berjasa dan Hamim tidak mendapat perhatian bagi penduduk di kampung ini, di mana hasil soalselidik tidak seorangpun responden yang menganggotai parti-parti tersebut. Daripada soalselidik 100% tidak menyukai parti DAP kerana mereka menganggap parti DAP merupakan parti perkauman.

Parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)<sup>1</sup> sebagai parti pemerintah merupakan parti utama di kampung ini. Ini terbukti daripada 50 responden yang disoalselidik, 48 orang responden (96%) memberikan sokongan kepada UMNO serta menjadi ahli UMNO. Parti UMNO mula ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1946<sup>1</sup> dan ditubuhkan di kampung Setajam pada tahun 1952. Parti UMNO kampung Setajam ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian UMNO Tertinggi, bahagian Pemuda UMNO dan bahagian Wanita UMNO.

Tok Sidang selaku Ketua Kampung merupakan Ketua UMNO dengan dibantu oleh Ahli Jawatankuasanya. Bahagian Pemuda UMNO pula ditubuhkan pada tahun 1964 dan pada masa ini diketuai oleh Ahmadon bin Sip. Manakala bahagian Wanita UMNO pula ditubuhkan pada tahun 1977. Bahagian Wanita UMNO pada masa kajian ini tidak ada ketuanya kerana ketuanya yang lama telah berhijrah<sup>2</sup>. Pada 6.4.1984<sup>3</sup> merupakan detik-detik bersejarah bagi UMNO cawangan

<sup>1</sup>

UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Penubuhan UMNO adalah akibat dari penentangan Raja-Raja Melayu dan pemimpin Melayu pada masa itu. Bangkangan mula-mula tertumpu dalam Pergerakan Melayu Semenanjung di Johor yang dimulakan oleh Datuk Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor. Kongres Melayu Se Malaya diadakan pada bulan Mac dan Mei 1946 dan mengesyorkan supaya UMNO ditubuhkan. UMNO dengan resminya telah ditubuhkan pada Mei 1946 dan telah melancarkan pemulauan terhadap Malayan Union yang disertai oleh Raja-Raja Melayu dimana enggan menyertai perlantikan Gabenor Malayan Union yang pertama.

Lihat Politik dan Kerajaan Malaysia oleh R.S. Milne dan Diane K. Mauzy = terjemahan DBP 1982.

<sup>2</sup>

Hasil temubual dengan Tok Sidang = Rosian Abdul Radir pada 27.4.84.

<sup>3</sup>


Pengkaji telah ikutserta dalam mesyuarat tersebut pada 6.4.85.

kampung Setajam kerana Menteri Besar Pahang Dato Najib Tun Abdul Razak merangkap Ketua UMNO Negeri Pahang telah meresmikan mesyuarat Agong Tahunan UMNO. Dalam mesyuarat tersebut telah diadakan perbincangan mengenai masalah penduduk kampung dan juga perbincangan mengenai parti.

Struktur Parti UMNO di kampung Setajam ini adalah seperti dalam Rajah I.

Rajah I

Struktur Parti UMNO Kampung Setajam



Parti Islam Se Malaysia (PAS) merupakan parti kedua di kampung ini. Walaupun tidak mendapat sokongan besar seperti parti UMNO, namun ianya telah mendapat perhatian dikalangan penduduk kampung Setajam sejak 8 tahun kebelakangan ini. Ini kerana dengan kemasukan orang luar terutamanya dari Kedah yang berfahaman politik PAS telah bersatu tenaga dengan ahli PAS yang telah sedia ada di kampung ini. Daripada 50 responden yang disoalselidik cuma seorang

sahaja yang mengaku secara berterusterang sebagai ahli PAS. Beliau<sup>1</sup> merupakan Ketua PAS di kampung ini secara tidak resmi. Namun begitu parti PAS belum mempunyai cawangan secara resmi di kampung Setajam.

Parti PAS mungkin menjadikan alternatif bagi penduduk yang tidak puashati dengan pembahagian tanah Sawah Endau-Rompin nanti yang mengutamakan penduduk bawah 45 tahun. Kegiatan parti PAS di kampung ini tidak begitu licin akibat kekurangan kewangan serta tidak mendapat tempat di balairaya atau surau untuk mengadakan mesyuarat ataupun perjumpaan.<sup>2</sup>

## 2.6 Struktur Pentadbiran Kampung Setajam

Kampung Setajam terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Rompin. Dengan demikian segala urusan yang berkaitan dengan tanah dan urusan resmi kerajaan adalah dirujuk kepada Pejabat Daerah Rompin. Di peringkat mukim ianya terletak di bawah pentadbiran Pejabat Penghulu Endau, Pahang.

Tok Sidang selaku Ketua UMNO merupakan orang yang menjadi Ketua Pentadbiran di peringkat kampung. Tok Sidang ini menjalankan segala urusan pentadbiran kampung di mana beliau merupakan penghubung

<sup>1</sup>

Ahmad Abdullah - yang datang ke kampung Setajam pada tahun 1977.

<sup>2</sup>


Temubual dengan Ahmad Abdullah pada 28.4.1985.

penduduk kampung ini dengan pihak kerajaan. Bagi melicinkan perjalanan pentadbiran kampung, Tok Sidang diantу oleh Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (AJKKK). Tok Sidang ini mentadbirkan kampung tidak ada had umur. Perlantikan Tok Sidang adalah melalui cadangan penduduk kampung sendiri dan nama tersebut dihantar ke Pejabat Daerah untuk persetujuan dan pengesahan jawatan. Gaji yang dibayar kepada Tok Sidang adalah dalam tempoh setahun.

AJKKK pula juga dipilih oleh penduduk kampung sendiri dalam mesyuarat. Perlantikan AJKKK ini adalah tidak terhad kepada mana-mana ahli parti politik. Daripada kajian didapati 18 orang daripada 20 orang AJKKK adalah ahli parti UMNO. Setiap AJKKK ini mempunyai tugas dan tanggungjawab tertentu mengikut bahagian mereka. Di kampung Setajam ini terdapat AJKKK seperti bahagian tanah, Agama, Pembangunan, Belia, Persatuan dan Wanita. Walaupun mereka mempunyai bahagian yang berlainan, namun pada dasarnya mereka bersama-sama dalam menjalankan tugas dalam mentadbirkan kampung. Struktur pentadbiran kampung Setajam dapat dilihat seperti dalam Rajah 2.

#### Rajah 2

#### Struktur Pentadbiran Kampung Setajam



## 2.7 Organisasi Sosial

Hasil kajian didapati organisasi sosial di kampung ini adalah lembap. Walaupun dalam pentadbiran kampung terdapat AJKKK bahagian Belia dan persatuan, namun tidak wujud banyak persatuan. Di kampung ini cuma terdapat sebuah persatuan belia iaitu Persatuan Belia 4B. Di samping itu pula persatuan Belia 4B ini tidak berjalan dengan baiknya dalam menggerakkan kemajuan belia-belia di kampung ini. Ini terbukti hasil kajian, dimana tidak terdapat sebarang projek pun yang telah dilaksanakan oleh persatuan ini seperti projek tanaman ataupun perniagaan.

Selain daripada itu terdapat sebuah kelas KEMAS di kampung ini. Kelas KEMAS ini menjalankan kegiatan seperti mempelajari Al-Quran dan agama, masakan, jahit-menjahit dan membaca dan menulis. Kelas KEMAS di sini bolehlah dikatakan berjaya kerana ianya mendapat sambutan daripada penduduk. Pada tiap-tiap malam Isnin dan Jumaat pula diadakan kelas mempelajari agama di surau yang dihadiri oleh kaum lelaki sahaja.

Dalam bidang sukan, tiga jenis sukan yang menjadi kegemaran penduduk di kampung ini iaitu bolasepak, takraw dan badminton. Namun begitu tidak terdapat sebarang kelengkapan sukan di kampung ini. Segala kelengkapan sukan seperti padang bola, takraw, badminton dan bola jaring adalah terletak di kampung Pianggu<sup>1</sup> berhampiran

1

Kampung Pianggu bersempadan dengan Kampung Setajam yang diselangi oleh Sungai Lantang.

dengan sekolah. Dalam setiap pertandingan yang disertai, pasukan kampung Setajam selalunya menggunakan nama Belia 4B ataupun Pasukan Pemuda UMNO.

## 2.8 Kemudahan-kemudahan Infrastruktur

Dari segi kemudahan infrastruktur, kampung Setajam memperolehi segala kemudahan asas. Terdapat jalan tanah merah yang sepanjang 4.5 kilometer<sup>1</sup> yang merentasi di dalam kampung ini. Jalan tanah merah ini mula dibina pada tahun 1977<sup>2</sup>. Pada pertengahan tahun 1985 sejauh 1.61 kilometer jalan tersebut akan dinaikkan tarafnya kepada jalan tar yang bernilai \$102,212.00. Sementara itu juga pada tahun 1985 satu projek menambun tanah merah sejauh 40 rantai termasuk lima buah pembentung telahpun diluluskan di kampung Lantang yang bernilai \$45,000<sup>3</sup>. Dengan siapnya jalan ini akan melicinkan lagi perhubungan dengan kawasan luar dan juga kawasan sawah.

<sup>1</sup>

Pengkaji menggunakan meter jarak pada motorsikal dengan melalui jalan yang merentasi kampung.

<sup>2</sup>

Temubual dengan Tok Sidang pada 27.4.1985.

<sup>3</sup>

Pejabat Daerah Rompin, Senarai Projek yang diluluskan tahun 1985 dan temubual dengan En. Mukhanis (Penolong Pegawai Daerah)(ADO) Bahagian Pembangunan Luar Bandar pada 24.4.1985.

Bekalan air dan api juga dibekalkan dengan sepenuhnya (tempoh 24 jam) tetapi ianya tidak meliputi kampung Setajam Darat<sup>1</sup>. Elektrik mula dibekalkan pada 27.2.1981 dengan tempuh 12 jam dan memperolehi bekalan penuh (24 jam) pada tahun 1984. Sementara itu air mula dibekalkan pada bulan Januari 1983<sup>2</sup>. Walaupun dua keperluan asas ini dibekalkan namun akibat daripada kemiskinan dan rumah yang buruk di mana sukar 'wiring' dilakukan menyebabkan cuma 13 responden menggunakan elektrik dan 11 responden yang menggunakan paip daripada 50 responden.

Di kampung ini terdapat sebuah balairaya. Selain daripada dijadikan tempat mesyuarat dan perjumpaan penduduk kampung, ianya juga dijadikan kelas Tadika. Kampung Setajam ini tidak mempunyai Masjid, tetapi hanya mempunyai dua buah surau iaitu di Setajam (kampung asal) dan Setajam Darat (kawasan sawah). Dengan demikian penduduk kampung Setajam bersempahyang Jumaat di Masjid kampung Pianggu. Kemudahan talipon (satu sahaja) juga disediakan yang terletak berhampiran dengan surau Kampung Setajam.

## 2.9 Sistem Pengangkutan

Walaupun terdapat jalan tanah merah di kampung ini, namun tidak ada perkhidmatan bas yang masuk ke kampung ini. Bagi mendapat-

---

1

Setajam Darat - merupakan kampung baru dibuka pada tahun 1977 akibat pembukaan tanah sawah.

2

Temubual dengan Tok Sidang pada 27.4.1985.

kan perkhidmatan bas mereka terpaksa pergi ke jalan besar Endau-Rompin yang menyediakan perkhidmatan sejam sekali. Namun begitu terdapat juga perkhidmatan kereta sewa dan sebuah teksi daripada kampung Pianggu (tidak ada teksi bagi penduduk kampung Setajam). Motorsikal dan basikal merupakan pengangkutan utama di mana hasil kajian daripada 50 responden, 11 orang menggunakan motorsikal dan 27 orang menggunakan basikal bagi pengangkutan untuk pergi ke Pekan Endau ataupun ke jalan besar Endau-Rompin.

<sup>1</sup> Feri<sup>1</sup> masih lagi digunakan yang menghubungkan kampung ini dengan kampung Tg. Gemok, sebelum ke Pekan Endau atau jalan raya utama Endau-Rompin. Ini merupakan sistem pengangkutan yang teristimewa kerana ianya merupakan perkhidmatan feri yang terakhir di Negeri Pahang. Walaupun terdapat perkhidmatan feri namun masih terdapat perkhidmatan motor air penambang (terdapat 3 buah) yang menyediakan perkhidmatan di kampung Pianggu. Ianya hanya boleh digunakan untuk mereka yang berbasikal dan berjalan kaki. Tambang yang dikenakan ialah 60 sen bagi seorang dengan basikal dan 20 sen bagi seorang. Ini merupakan jalan dekat<sup>2</sup> bagi mereka yang hendak pergi ke Pekan Endau, selain daripada itu terdapat juga yang bersampan ke Pekan Endau.

<sup>1</sup>

Feri ini adalah perkhidmatan yang disediakan oleh JKR Pahang menyeberangi Sungai Anak Endau.

<sup>2</sup>

1 kilometer daripada tebing Sungai Endau ke Pekan Endau.

## PAR III

Namun apa yang menjadi masalah kepada penduduk kampung dalam pengangutan ini ialah bila tiba musim hujan dimana jalan menjadi becak dan berlumpur. Dengan sebab itulah penduduk kampung Setajam ini sangat mengharapkan jalan tar yang akan dibina kelak.

Berbagai-bagai teori digunakan dalam menghadirkan kesinambungan. Ini adalah akibat kebutuhan tempat dan kebutuhan masyarakat. Teori-teori ini dikemukakan dari berbagai-bagai sudut seperti permasalahan dan kebutuhan; teknologi-keterengganu (berbagai-bagai) dan struktur ketidaksesuaian sosial dan ekonomi.

Teori kesinambungan yang paling meluas digunakan adalah berdasarkan perspektif ekonomi. Teori ini memperkenan kepada faktor pendapatan iaitu ketidaksesuaian pendapatan untuk memenuhi keperluan asasi manusia seperti makan, pakaian dan tempat tinggal. Menurut teori ini pendapatan yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan manusia dipertingkatnya hidup untuk mempertahankan kestabilan fizikal dan kestabilan diri selain sebagai usaha. Apabila pendapatan yang rendah dengan pendapatan tersebut gagal memenuhi keperluan asasi ia akan membentik kesan kepada usaha lain seperti budaya, politik, dan kelebihutan.

Winslow (1951:9) telah mengemukakan teori Putaran Garis untuk menerangkan baharu kesinambungan yang wujud adalah disebabkan faktor ekonomi (pendapatan yang rendah). Menurut beliau bahawa kewujudan satu faktor adalah disebabkan faktor lain. Ini menyebabkan

BAB III  
TEORI DAN UKURAN KEMISKINAN


3.1 Teori-Teori Kemiskinan

Berbagai-bagai teori digunakan dalam menghuraikan kemiskinan. Ini adalah akibat berlainan tempat dan kehidupan antara masyarakat. Teori-teori ini dikemukakan dari berbagai-bagai sudut seperti personaliti dan kebudayaan; kekurangan-kekurangan (berbagai-bagai) dan struktur ketidaksamaan sosial dan ekonomi.

Teori kemiskinan yang paling meluas digunakan adalah berdasarkan perspektif ekonomi. Teori ini menekankan kepada faktor pendapatan iaitu ketidaksamaan pendapatan untuk memenuhi keperluan asasi manusia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Menurut teori ini pendapatan yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas diperangkat cukup hidup untuk mempertahankan kecekapan fizikal dan kesihatan dikatakan sebagai miskin. Apabila pendapatan yang rendah dimana pendapatan tersebut gagal memenuhi keperluan asasi akan memberikan kesan kepada aspek lain seperti budaya, politik, dan kesihatan.

Winslow (1951:9) telah mengemukakan teori Putaran Ganas untuk menerangkan bahawa kemiskinan yang wujud adalah disebabkan faktor ekonomi (pendapatan yang rendah). Menurut beliau bahawa kewujudan satu faktor adalah disebabkan faktor lain. Ini menyebabkan

faktor-faktor yang sedia ada berubah dalam satu pusingan atau 'circular causation' sebab musabab antara faktor-faktor inilah yang melahirkan putaran ganas kemiskinan yang tidak berhujung pangkal. Ini digambarkan oleh beliau seperti gambarajah di bawah.



Sumber: Winslow (1951: 9)

Daripada gambarajah, apabila pengeluaran rendah, pelaburan yang dibuat adalah kecil. Apabila pengeluaran rendah menyebabkan pendapatan yang kecil. Dengan demikian penanaman modal adalah kurang. Keupayaan untuk menyimpan adalah rendah apabila modal yang kecil digunakan. Kekurangan simpanan menjadikan kuasa beli yang rendah.

Jumlah pendapatan yang kecil adalah disebabkan kurangnya modal dan pasaran yang tidak sempurna. Dengan pendapatan yang kecil ini mereka gagal memenuhi keperluan asasi dan apabila ini berlaku mereka dikatakan miskin. Daripada putaran ganas kemiskinan jelas menunjukkan bahawa faktor ekonomi memberikan kesan yang tinggi dalam mempastikan mereka kaya atau miskin. Perkaitan antara faktor-faktor ini menyebabkan mereka terus dalam kemiskinan

yang tidak berhujung pangkal.

Di samping itu juga ada teori umum yang dikaitkan dengan keperluan asasi manusia seperti yang pernah dikemukakan oleh J.L. Roach dan J.K. Roach (1972: 21),

"... an insufficiency of basic need".

Ketidakcukupan keperluan asas di sini merujuk kepada makanan, pakaian dan tempat tinggal. Dalam kehidupan tiap individu perlu kepada ketiga-tiga keperluan asasi ini. Makanan yang diperlukan haruslah makanan yang cukup berzat dari segi nilai permakanan, manakala pakaian dan tempat tinggal pula haruslah dapat melindungi daripada iklim dan keadaan persekitaran.

Di dalam Encyclopedia of the social science (1968: 398) telah membahagikan kemiskinan kepada tiga bahagian. Kemiskinan iaitu kemiskinan sosial, pengemis (*Pauperisme*) dan kemiskinan moral. Setiap jenis kemiskinan mempunyai pengertiannya yang tersendiri.

Kemiskinan sosial tidak sahaja merujuk kepada ketidaksamaan ekonomi (seperti barangang, pendapatan dan tingkat kehidupan) tetapi juga merujuk kepada ketidaksamaan dari segi sosial iaitu berhubung dengan sikap inferioriti, kebebasan dan eksplotasi. Kemiskinan pengemis (*pauperisme*) ini adalah menunjukkan kepada golongan yang tidak mempunyai keupayaan langsung untuk menampung diri mereka. Mereka ini merupakan golongan yang gagal mencapai

tahap kesihatan yang minimum dan memiliki pendapatan yang paling minimum. Kehidupan mereka adalah sungguh dhaif dan mereka cuma setakat mampu untuk meneruskan kehidupan sahaja. Kemiskinan moral adalah dikaitkan dengan peribadi seseorang. Bagi individu atau suatu kumpulan itu dianggap miskin jika peribadinya adalah rendah dalam suatu sistem masyarakat.

Bagi ahli ekonomi seperti Perlman (1976: 3) beliau melihat kemiskinan sebagai satu keadaan di mana seseorang tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk memenuhi keperluan hidup yang minimum. Keperluan hidup yang minimum merupakan keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Keperluan hidup yang lain yang berubah mengikut masa seperti perkhidmatan asasi.

B.R. Schiller (1937: 7) mengukur kemiskinan seseorang dengan mengambil jumlah keperluan barang tertentu dan perkhidmatan yang asasi untuk kebajikan setiap keluarga dan individu. Kegagalan tiap individu atau keluarga memiliki barang tertentu (barang untuk keperluan hidup) dan perkhidmatan disifatkan sebagai miskin. Konsep kemiskinan yang dikemukakan ini menggambarkan kemiskinan itu sebagai perhubungan antara pendapatan dengan penggunaan. Pendapatan yang kurang dari penggunaan, maka ianya dianggap miskin.

Townsend pula (1963: 47) telah mendefinasikan kemiskinan sebagai,

"... inequities in the distribution of five resources, including income, capital assets, occupational fringe, benefits, current private service..."

Kelima-lima punca ini amat penting dalam menentukan taraf hidup individu atau keluarga tertentu. Kegagalan memenuhi salah satu daripada punca tersebut dengan memuaskan adalah dianggap miskin. Kemiskinan juga dirujuk oleh beliau sebagai satu sistem terutamanya di negara yang sedang membangun seperti penerusan perjuangan untuk meneruskan hidup, pengangguran, gaji yang rendah, buruh tidak mahir, ketiadaan bekalan makanan, tidak ada 'privacy', buruh kanak-kanak dan beberapa bentuk 'escaprisme' seperti minuman keras dan dadah.

Ahli-ahli sosiologi mendefinasikan kemiskinan tidak semata-mata kepada pendapatan, menurut Martin Rein (1971: 46),

"Poverty may be regarded as subsistence, inequality or externality. Subsistence is concerned with minimum provision needed to maintain health and working capacity... inequality is concerned with relative position of income group to each other... externality is concerned with the social consequences of poverty for the rest of society rather than in term of the needs of the poor!"

Di sini ahli-ahli sosiologi lebih merujuk kepada persoalan sosial dan faktor-faktor ini dikaitkan dengan masalah kemiskinan. Di samping itu faktor-faktor seperti agihan pendapatan, peluang-peluang sosial dan ekonomi juga diambil kira dalam menghuraikan kemiskinan.

Budley Jackson (1972: 13-14) menegaskan bahawa keperluan manusia adalah bergantung kepada makanan dan stock (pelajaran, perumahan dan perlindungan). Sekiranya kehendak-kehendak tersebut dapat dipenuhi maka ia telah berjaya memenuhi fungsi sosial iaitu mendapat pekerjaan yang baik, melahirkan keluarga yang sejahtera dan mewujudkan hubungan personal dan sosial yang memuaskan. Namun jika gagal memenuhi kehendak-kehendak tersebut, ia dikatakan dalam kategori kemiskinan iaitu gagal memiliki fungsi sosial.

Sementara itu Ungku Aziz (1964: 78) juga mendefinasikan kemiskinan dari aspek sosio-ekonomi. Menurut beliau antara ciri-ciri sosio-ekonomi yang mudah diukur bagi menggambarkan keadaan kemiskinan itu adalah taraf pemakanan, kadar kematian dan indek pakaian. Makanan yang rendah mutu dan kurang berzat, kadar kematian yang tinggi dan kurangnya perbelanjaan kepada pakaian adalah menunjukkan seseorang atau keluarga itu miskin.

Oscar Lewis (1966: 12-14) yang membuat kajian di bandar Mexico dan Puerto Rico telah mengemukakan teori budaya kemiskinan menurut beliau,

"... both adaptation and reaction or the poor to their marginal position in a class-stratified, high individualization, capitalistic society".

Budaya miskin ini menurut beliau akan diperturunkan dari generasi ke generasi yang mengakibatkan sesuatu masyarakat itu akan terus terperangkap di dalam kemelut kemiskinan akibat ketidakmampuan untuk memperbaiki kedudukan. Kemiskinan juga dilihat sebagai satu hasil daripada kehidupan seseorang. Teori ini menjelaskan bahawa alam sekitar yang miskin melemahkan masyarakat dan memupuk sikap tidak mahu memperbaiki diri seperti sikap malas, daya pengeluaran yang rendah, berserah kepada nasib dan tiadanya pertandingan ke arah kemajuan antara individu dalam masyarakat. Beliau telah memberi empat ciri budaya miskin yang menyebabkan kepada kemiskinan.

Pertamanya, budaya miskin adalah perkaitan antara 'subculture' dengan masyarakat seluruhnya iaitu merupakan pecahan daripada budaya nasional. Orang dalam golongan ini terasing daripada institusi penting dalam masyarakat.

Keduanya, berkaitan dengan ciri-ciri komuniti. Golongan budaya miskin dikatakan mempunyai organisasi paling minimum selain daripada keluarga yang menyebabkan budaya ini jadi marginal dan tidak tentu kedudukannya dalam masyarakat yang organisasi yang lebih tinggi.

Ketiga, keluarga budaya miskin dikatakan tidak stabil dan kaum wanita lebih dominan. Masalah sosial begitu tinggi seperti kecurian, pelacuran, anak-anak cepat mengenal sek, persaingan anak-anak untuk mendapat kasih sayang ibu dan barang-barang yang terhad dalam rumah tangga.

Keempat, wujudnya sikap fatalisme (berserah kepada nasib). Mereka lebih bergantung kepada orang lain dalam mengubah nasib mereka dan kurang berikhtiar. Pandangan hidup mereka adalah sempit, lebih bercorak kedaerahan, tidak mempunyai kesedaran dan tidak mementingkan masa hadapan.

Namun begitu menurut Oscar Lewis (1966: 11) budaya miskin banyak dibantu oleh faktor-faktor lain dalam menentukan kemiskinan iaitu;

1. Adanya sistem ekonomi dengan buruh bergaji dan pengeluaran ke arah keuntungan.
2. Kadar pengangguran dan pengangguran tidak ketara yang meluas.
3. Tingkat upah yang rendah terutamanya untuk buruh yang tidak mahir.
4. Kegagalan pemerintah atau masyarakat memberi kemudahan, kemudahan sosial, politik dan ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah.
5. Wujudnya sistem kekerabatan 'bilateral' di samping sistem kekerabatan 'unileteral'.
6. Kelas dominan di dalam masyarakat menegaskan nilai yang menghargakan pengumpulan harta dan kekayaan. Individu yang gagal mencapainya akan menduduki status yang rendah.

Penggunaan konsep budaya kemiskinan ini pula adalah kabur di mana Oscar Lewis menyebut bahawa budaya miskin itu wujud adalah melampaui batas tetapi kemudiannya menyatakan bahawa hanya wujud di kalangan negara kapitalis dan tidak negara sosialis. Konsep budaya miskin hendaklah digunakan dengan berhati-hati kerana penyalahan penggunaan konsep ini akan menimbulkan kekeliruan seperti yang diperkatakan oleh Roach (1972: 28).

"An elaborate description of the characteristics of the poor may be useful in providing clues to the causes and solutions of their conditions, but it may lead to a facile conversion of the characteristics of the poor can prelude serious consideration or how the overall functioning society excluded certain categories of the population from its general prosperity. Efforts to reduce poverty in such instances may emphasize exhortation of the poor to life themselves by their own bootstraps and occur in atmosphere which blames the poor themselves."

Sementara itu seorang penulis barat Brien Parkinson (1967: 3-4) telah mengemukakan teori kemiskinan. Teori kemiskinan beliau dikhususkan kepada orang Melayu. Parkinson menjelaskan bahawa faktor kemiskinan orang Melayu terutamanya Melayu luarbandar adalah berdasarkan faktor sikap, nilai budaya dan agama Islam yang mereka anuti. Faktor-faktor tersebut ialah;

1. Tidak suka kepada sebarang perubahan.

2. Tidak menerima sebarang rancangan penanaman padi dua kali setahun seperti yang disarankan oleh kerajaan.
3. Tidak suka institusi koperasi untuk mendapatkan pinjaman wang dan lebih suka kepada berhutang saliran-saliran tradisional.
4. Takut kepada alam persekitaran yang asing daripada kebiasaan hidup mereka tetapi lebih suka kepada keadaan kehidupan mereka yang biasa.
5. Tidak sukakan pekerjaan sepenuh masa yang lebih khusus.
6. Nelayan khususnya nelayan pantai timur tidak suka menangkap ikan jauh ke tengah laut dan keluarga.
7. Agama Islam yang mereka anuti adalah fatalistik dan ini juga di antara sebab-sebab kemunduran ekonomi mereka.
8. Orang-orang Melayu dikatakan menentang kemutuan pelajaran moden sebagaimana yang telah berlaku dalam abad 19 dan mereka enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah secular.

Teori yang dikemukakan oleh Parkinson ini disangkal oleh Mohd. Fauzi Yaacob (1969) bahawa agama Islam menggalakan umatnya bergiat dalam lapangan ekonomi dan kemajuan material. Beliau seterusnya (1969: 17) menurunkan faktor kemiskinan orang Melayu adalah seperti berikut;

1. Darjah pengeluaran yang rendah hasil dari saiz pemilik tanah yang tidak ekonomik.
2. Penggunaan tanah yang tidak effisyen, tanah kurang subur dan nisbah di antara tanah dan penggerja yang rendah.
3. Jumlah modal yang sedikit.
4. Kurangnya pengetahuan berkenaan dengan teknik pengeluaran.

5. Penindasan orang tengah.

Seorang Pengkaji tempatan Syed Husin Ali (1978: 8) telah merumuskan empat teori umum mengenai kemiskinan;

- I. Ciri-ciri personaliti dan kebudayaan,
- II. Penambahan bilangan penduduk,
- III. Kekurangan teknologi dan modal serta,
- IV. Struktur ketidaksamaan ekonomi dan sosial.

Teori ciri-ciri personaliti dan kebudayaan menyatakan bahawa kemiskinan sebenarnya berpunca dari beberapa sifat atau ciri-ciri yang terdapat di kalangan orang-orang perseorangan dan kebudayaan. Sifat dan ciri-ciri ini dianggap bercorak negetif dan menyekat usaha-usaha mendapatkankekayaan serta kemajuan. Mereka dikatakan sukar menerima pembaharuan yang dilakukan untuk kemajuan mereka. Sikap fatalistik (berserah kepada takdir) menyebabkan mereka tidak mahu berusaha.

Teori penambahan bilangan penduduk dilihat kepada isirumah bertambah sedangkan tanah yang diusahakan adalah kecil dan tidak ekonomik. Hasil pertanian selalunya jarang bertambah tetapi harga barang semakin meningkat. Kadar kelahiran yang tinggi menyebabkan tanggungan yang besar kepada kanak-kanak yang belum produktif dari segi ekonomi. Dengan ini pendapatan habis digunakan untuk tanggungan tanpa pelaburan untuk meninggikan produktifiti dan seterusnya meningkatkan pendapatan.

Teori kekurangan teknologi dan modal menyatakan bahawa kemiskinan adalah disebabkan oleh daya pengeluaran yang rendah. Pengeluaran yang rendah adalah disebabkan terlalu bergantung kepada amalan tradisional dalam pekerjaan akibat dari kekurangan modal untuk membeli peralatan teknologi moden. Apabila pengeluaran rendah maka pendapatan pun rendah. Dengan itu penggunaan teknologi moden dan modal yang banyak harus dilakukan untuk meningkatkan pendapatan.

Teori struktur ketidaksamaan ekonomi dan sosial ialah di mana wujudnya kelas berada dengan kelas bawahan. Kelas yang berada sentiasa mengeksploitasi kelas bawahan. Golongan atasan sentiasa mengawal faktor-faktor pengeluaran dan orang yang tidak berada bekerja di bawahnya. Tuan tanah (*landlord*) mengenakan sewa yang tinggi kepada golongan tidak bertanah. Segala peluang-peluang yang disediakan adalah dibolot oleh golongan atasan dan menengah akibat undang-undang yang dibuat oleh golongan atasan dan menyebabkan golongan yang miskin dari segi ekonomi terus tertinggal.

Dengan itu beliau (1978) merumuskan kemiskinan sebagai keadaan di mana;

1. Wujudnya kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan, pakaian dan kemudahan.
2. Dari segi ekonomi, keadaan ini timbul kerana ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.
3. Dari segi sosial, golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan paling bawah dalam sistem susun-lapis masyarakat.

Beliau menyebutkan bahawa dalam masyarakat kita (Malaysia) makanan yang utama ialah nasi. Sekiranya seseorang itu tidak mampu mendapatkan nasi yang cukup untuk dirinya sekeluarga dan terpaksa menambahkan dengan ubi kayu atau ubi gadung, maka tentulah boleh dikatakan kekurangan telah wujud. Kekurangan itulah yang dikatakan miskin. Walaupun seseorang atau keluarga mendapat makanan akan tetapi tidak seimbang ini pun dikatakan miskin. Dengan ini bererti bahawa manusia itu memerlukan kira-kira 2500 kalori setiap hari melalui makanannya, tiba-tiba kalori itu berkurangan disebabkan memakan makanan yang kurang berzat yang menyebabkan individu itu kehilangan tenaga kerja dan mudah mendapat penyakit, keadaan ini adalah juga miskin. Apa yang dimaksudkan dengan keperluan asasi ini mungkin berubah atau berbeda mengikut perbedaan masa dan tempat dan ianya juga meliputi aspek bukan ekonomi.

Syed Husin Ali (1979a: 29) juga menyatakan bahawa kemiskinan golongan petani adalah disebabkan pemilikan saiz tanah yang kecil yang menyebabkan pendapatan yang rendah.

"... Di kalangan sebahagian besar petani, kemiskinan bererti bukan sahaja kekurangan sumber untuk memberikan pendapatan serta penghidupan yang baik, akan tetapi juga kedudukan buruk di-lapisan sosio-ekonomi paling rendah dalam masyarakat yang memperlihatkan pembahagian belanjaan yang tidak sama rata. Salah satu petunjuk yang paling jelas tentang kemiskinan mereka ialah luasnya tanah yang dimiliki dan secara umum ini akan terjelma dalam peringkat

pendapatan mereka yang rendah.

Syed Husin Ali (1964: 51.57) juga menegaskan bahawa, "... kepercayaan orang Melayu kepada konsep Qada dan Qadar misalnya tidak menghalang penganutnya dari mencapai kemajuan kerana walaupun Islam menghendaki penganutnya mempunyai konsep Qada dan Qadar tetapi di dalam konsep ini juga dinyatakan peranan ikhtiar serta fikiran manusia tidak menentukan kedudukan nasibnya".

Ini menunjukkan bahawa teori kemiskinan adalah berlainan mengikut pandangan dan pendapat golongan tertentu. Teori ini akan berubah mengikut peredaran masa dan tempat terutamanya yang mengaitkan kemiskinan dengan merujuk kepada pendapatan dan keperluan asasi. Dengan sebab itulah lahirnya banyak teori dan ianya tidak boleh diaplikasikan sebarang kepada satu-satu kajian. Maka teori kemiskinan merupakan satu teori yang merumitkan hingga hari ini.

### **3.2 Ukuran-Ukuran Kemiskinan**

Dalam memberikan ukuran kemiskinan, tidak ada ukuran yang diterima secara universal. Tidak adanya penetapan ini adalah akibat dari kemajuan antara tiap negara dan susun lapis masyarakat adalah berbeda. Adalah satu perkara yang mustahil untuk mengambil ukuran kemiskinan di negara yang maju seperti Amerika, Jepun dan negara-negara Eropah untuk dibandingkan dengan Malaysia ataupun negara membangun yang lain. Ukuran-ukuran yang sering digunakan ialah ukuran secara mutlak, ukuran secara perbandingan (relatif)

dan ukuran gabungan (ukuran mutlak dan ukuran relatif).

### 3.2.1 Ukuran Secara Mutlak

Ukuran secara mutlak adalah ukiran kemiskinan dengan berdasarkan kepada pendapatan. Jika keluarga atau individu yang kurang dari pendapatan yang ditetapkan sebagai garis kemiskinan, maka ianya dianggap miskin. Paras pendapatan diambil pertimbangan dengan hanya berdasarkan kepada keperluan asasi seperti pemakanan minima, pakaian dan tempat tinggal tanpa melibatkan faktor-faktor lain seperti pelajaran, kesihatan dan menikmati segala kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

Ukuran secara mutlak ini tidak sesuai digunakan untuk semua negara kerana garis kemiskinan yang ditetapkan adalah berbeda antara satu negara dengan negara lain. Di Amerika Syarikat pendapatan sekurangnya sebanyak U.S. 3000 (\$7200) setahun adalah garis kemiskinan negara tersebut seperti yang dikemukakan oleh 'The Council of Economic Advisors' dalam Economic Report 1974-75. Bagi Malaysia pula mengikut laporan unit Penyelidikan Sosio-ekonomi Jabatan Perdana Menteri (SERU) (Mingguan Malaysia 22 September 1985) garis kemiskinan di Malaysia bagi tahun 1983 ialah \$384.00 sebulan. Dengan ini adalah tidak sesuai untuk menggunakan garis kemiskinan yang sama antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Garis kemiskinan yang ditetapkan di Amerika Syarikat \$600 sebulan itu adalah bagi tahun 1975 sedangkan Malaysia garis kemiskinan pada tahun 1983 adalah \$384 sebulan. Ini menunjukan terdapat jarak ukuran garisan

kemiskinan yang sangat jelas.

Dengan ini ukuran mutlak adalah tidak sesuai kerana tiap garis pendapatan kemiskinan yang dikemukakan harus disesuaikan dengan kemajuan sesuatu negara dan taraf hidup rakyatnya. Satu keluarga yang dianggap miskin dalam ukuran di negaranya mungkin dianggap kaya jika digunakan di negara lain. Kelemahan utama penggunaan cara mutlak ialah mengenai keperluan asasi kerana keperluan asasi manusia sering berubah akibat urbanisasi dan industri serta perbedaan indek harga antara tiap negara serta mengenai pengukuran kalori yang diperlukan oleh tiap individu adalah sukar untuk dibuat pengukuran secara tepat dengan makanan individu serta berlainan kalori antara individu yang melakukan kerja berat dengan ringan. Dengan cara ini juga semakin tinggi pendapatan yang ditetapkan, semakin ramai orang yang tergolong di dalam kemiskinan.

### 3.2.2 Ukuran Kemiskinan Secara Perbandingan (Relatif)

Pengukuran kemiskinan berdasarkan perbandingan ialah membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan dari jumlah pendapatan negara kasar. Di sini ukuran kemiskinan selalunya dengan melihat struktur susun lapis masyarakat dan ketidaksamaan ekonomi yang wujud. Golongan yang menerima purata pendapatan yang rendah dari segi agihan pendapatan negara adalah dianggap golongan yang miskin.

Memandangkan pengukuran cara ini dapat menunjukan agihan pendapatan antara kumpulan-kumpulan penduduk dalam satu jangkamasa atau waktu tertentu maka ia dikatakan lebih tepat dari penggunaan mutlak. Pertambahan purata pendapatan sesuatu kumpulan dan pertambahan kemudahan-kemudahan asasi yang mereka terima tidak bermakna kedudukan mereka lebih baik kerana besar kemungkinan bahagian pendapatan dalam jumlah pendapatan negara kasar tidak berubah atau bertambah dengan kadar yang rendah berbanding dengan kumpulan lain.

Dengan sebab itulah, ukuran kemiskinan secara perbandingan dihubungkan dengan struktur susun lapis masyarakat dan perbedaan atau ketidaksamaan ekonomi. Berdasarkan cara ini golongan miskin biasanya sebahagian besar terdiri dari kelas bawah dalam susun lapis masyarakat.

### 3.2.3 Ukuran Kemiskinan Gabungan Antara Mutlak Dengan Perbandingan

Ukuran kemiskinan secara gabungan di antara mutlak dan relatif pada dasarnya mengambil kira tentang kemudahan-kemudahan asas kerana pendapatan individu atau keluarga mempunyai hubungan dengan sumber ekonomi, kemudahan dan peluang-peluang sosial. Dengan ini semada individu atau keluarga itu berada dalam tahap kemiskinan atau tidak adalah bergantung kepada agihan pendapatan negara, kemudahan asasi, di samping peluang sosial dan ekonomi yang diperolehi.

Dalam pengukuran garis kemiskinan ini sering terdapat garis kemiskinan yang ditetapkan tanpa penyelidikan yang detail dan

menyeluruh menyebabkan setengah negeri yang dikatakan kadar kemiskinannya rendah, padahal adalah tinggi. Ini terutamanya berlaku di negara yang sedang membangun di mana kawasan luar bandar yang luas dan kesulitan kajian untuk mendapatkan data-data yang tepat.

Di samping itu pula penetapan garis kemiskinan yang sewenang-wenangnya ditetapkan oleh tiap pemerintah mungkin cara pengukuran mereka yang berlainan serta untuk tujuan merendahkan kadar kemiskinan. Dari segi konsepnya, kemiskinan di Malaysia adalah berbentuk relatif iaitu berbeda mengikut tempat dan juga antara kumpulan yang disebabkan ketidakseimbangan dari segi agihan pendapatan atau perkhidmatan yang diterima.

Dalam memberikan ukuran kemiskinan ini, Ungku Aziz telah mengemukakan dua cara ukuran. Pertamanya beliau berdasarkan kepada pendapatan minima. Jika pendapatan minima itu kurang dari garis kemiskinan yang telah ditetapkan maka iaanya dianggap miskin. Katakan garis kemiskinan sesebuah negara itu ialah \$300 bagi 6 orang. Apabila satu keluarga 6 orang tetapi pendapatannya kurang dari \$300 maka ia dianggap miskin.

Cara kedua merupakan cara pembahagian pendapatan. Mengikut ukuran cara ini, sesebuah keluarga itu ditetapkan miskin apabila pendapatannya kurang dari purata pembahagian pendapatan tiap keluarga atau individu dalam negara tersebut.

Dengan kedua cara ukuran kemiskinan oleh Ungku Aziz ini menunjukkan beliau membuat ukuran kemiskinan dengan membandingkan

antara golongan yang kaya dengan golongan miskin. Beliau tidak mengambil kira perkaitan dengan keperluan asasi, tempat dan masa yang sudah tentu mempengaruhi ukuran kemiskinan.

Walaupun ukuran kemiskinan itu tidak dapat digunakan secara universal namun ianya amat perlu dalam usaha pembangunan dan pembasmian kemiskinan. Dengan adanya ukuran ini dapat mengetahui jumlah dan peraturan penduduk sesebuah negara itu yang boleh dikategorikan sebagai miskin atau kaya. Selain daripada itu juga dapat mengetahui golongan mana yang masih tinggi kadar kemiskinan dan ini menyenangkan pembangunan ditujukan kepada mereka.

## BAB IV

### ASPEK SOSIO-EKONOMI PENDUDUK KAMPUNG SETAJAM

Bab ini merupakan bab yang akan membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan sosio-ekonomi penduduk kampung semasa kajian kes ini dilakukan. Aspek-aspek tersebut adalah pola pemilikan tanah, pendapatan, tabungan simpanan dan pelaburan, pola perbelanjaan, hutang dan pinjaman, persekolahan, pemasaran, kesihatan serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani di kampung ini. Ini adalah perlu kerana petani merupakan golongan yang sentiasa dibelenggu masalah yang membuatkan mereka sentiasa di dalam kemelut kemiskinan. Segala data-data merupakan data-data yang diperolehi semasa pengkaji menjalankan kajian. Di samping itu data-data yang diperolehi daripada pihak yang berkaitan seperti Pejabat Daerah Rompin, Pertubuhan Peladang, Jabatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Lembaga Projek Sawah Endau-Rompin, Sekolah, Pejabat Penghulu dan Kedai-kedai.

#### 4.1 Pola Pemilikan Tanah

Tanah merupakan input yang penting dalam pengeluaran. Hubungan petani dengan tanah tidak dapat dipisahkan dalam menentukan taraf hidup mereka - Mohd Fauzi Yaacob (1969: 25) menyatakan,

"Penanaman padi merupakan satu aktiviti ekonomi yang diasaskan pada tanah. Oleh itu hubungan petani dengan tanah adalah

amat penting melalui pelbagai cara, khususnya dalam menentukan tingkat pendapatan dan juga kecenderungan mengguna dan seterusnya kecenderungan menyimpan yang mungkin dinikmati mereka".

Dengan demikian, apabila menyebut perkataan petani maka kita terus membayangkan hubungannya dengan tanah. Bagi masyarakat petani, tanah mempengaruhi segenap hidup mereka dalam pendapatan, kedudukan dan masa hadapan juga ditentukan oleh tanah. Status seorang petani itu ditentukan oleh perhubungannya dengan tanah samada pemilik, penyewa ataupun tidak memiliki tanah langsung.

Dalam kajian kes yang dijalankan, pola pemilikan tanah di kampung Setajam boleh dibahagikan kepada dua;

1. Pemilikan tanah yang bergeran (hak milik tetap)
2. Pemilikan tanah yang belum bergeran (tanah sawah di kawasan projek Endau-Rompin).

#### 1. Pemilikan Tanah yang Bergeran (Hak Milik Tetap)

Hasil soalselidik yang dilakukan terhadap 50 responden di kampung ini, cuma terdapat 10 responden yang mempunyai tanah bergeran di mana cuma seorang sahaja (10%) daripada golongan yang mendatang<sup>1</sup>. Corak pemilikan tanah ikut keluasan bagi tanah yang bergeran bagi 10 responden tersebut adalah seperti jadual 2.

<sup>1</sup>

Lihat struktur penduduk bab dua.

Jadual 2Pola-pola Pemilikan Tanah Bergeran (Sendiri)

Luas dimiliki (ekar)	Bilangan Pemilik	Peratus
1-2 ekar	2	20
2-4 ekar	4	40
4-6 ekar	3	30
6-8 ekar	1	10
Jumlah	10	100

Dari jadual 2, jelas kelihatan pemilikan tanah bergeran dengan saiz yang kecil. Hanya terdapat seorang (10%) yang mempunyai tanah 6 hingga 8 ekar tanah bergeran. Majoriti (40%) pemilikan tanah bergeran daripada jadual 2 ialah yang memiliki dua hingga 4 ekar tanah. Daripada 10 responden yang memiliki tanah bergeran ini 6 responden memperolehinya melalui warisan (pesaka), 3 responden usaha sendiri, dan 1 responden (petani mendatang) melalui proses pembelian. Keluasan tanah yang dimiliki tidak menampakkan sistem dua kelas yang ketara antara golongan tuan tanah dan golongan penyewa. Pemilikan tanah bergeran adalah dikenakan bayaran. Dalam kajian ini didapati sejumlah \$196 cukai tanah setahun yang dikenakan terhadap keseluruhan tanah 10 responden tersebut. Keluasan yang kecil tanah bergeran ini kerana kurangnya

tanah yang diluluskan kebelakangan ini dan kebanyakan tanah bergeran ini merupakan tanah dari warisan.

## 2. Pemilikan Tanah Yang Tidak Bergeran (Tanah Kerajaan)

Daripada kajian yang dijalankan, didapati tanah tidak bergeran ini adalah tanah sawah kawasan Projek Sawah Endau-Rompin Kawasan tanah sawah Endau-Rompin ini mula diteroka pada tahun 1977. Ianya diteroka oleh penduduk tempatan dan golongan mendatang yang datang secara beramai-ramai antara tahun 1977 hingga 1979. Mereka ini meneroka mengikut keupayaan mereka iaitu antara 3 ekar hingga 12 ekar<sup>1</sup>. Namun demikian hingga ke masa kajian dilakukan (April 1985) masih belum ada pemilikan bergeran yang diperolehi oleh petani bagi tanah di kawasan Projek Sawah Endau-Rompin ini. Hasil kajian terhadap 50 responden di kampung Setajam, corak pemilikan ikut keluasan bagi tanah sawah kawasan projek Sawah Endau-Rompin adalah seperti jadual 3.

Daripada jadual tiga, menunjukkan bahawa cuma 3 orang (6%) yang tidak mempunyai tanah sawah. Salah seorang daripadanya ialah responden yang mendapat bantuan kebajikan masyarakat, seorang yang sudah tua di mana ditanggung oleh anak-anaknya dan seorang lagi pekerja dengan majikan. Majoriti (64%) petani memiliki satu

<sup>1</sup>

Hasil temubual dengan Tok Sidang, Roslan Abdul Kadir pada 24.4.85.

Jadual 3Pola-pola Pemilikan Tanah Sawah

Luas dimiliki (ekar)	Bilangan Pemilik	Peratus
Tiada pemilikan	3	6
1 - 3	32	64
3 - 6	6	12
6 - 9	5	10
9 - 12	4	5
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

hingga 3 ekar tanah sawah. Ini merupakan saiz yang kecil dan tidak ekonomik untuk penggunaan **jentera**. Jadual 3 juga menunjukkan 8% sahaja yang memiliki kawasan antara 9 hingga 12 ekar tanah. Di sini pengkaji mengandaikan tanah tersebut sebagai hak milik mereka (walaupun tidak secara sah) kerana tanah yang diusahakan oleh tiap petani tidak boleh lagi diganggu oleh orang lain melainkan oleh pihak kerajaan.

Melihat kepada jadual, seolah-olah menggambarkan tidak wujudnya golongan penyewa kerana 94% daripada 50 responden mempunyai tanah sawah. Namun daripada kajian terdapat juga golongan yang menyewa kerana tanah sawah mereka terletak jauh terpencil daripada kawasan orang ramai ataupun tanah sawah mereka kurang

subur dan tidak berair. Pengkaji mendapati seramai 2 responden yang menyewa tanah sawah orang lain dan 3 responden yang mengerjakan tanah sendiri dan juga menyewa tanah orang lain sebagai usaha tambahan. Penyewaan ini selalu dibuat atas dasar bahagi dua atau bahagi tiga hasil pengeluaran dan juga bayaran sewa dalam bentuk wang.

Tanah yang tidak bergeran tidak dapat digunakan untuk tujuan cagaran bagi pinjaman ataupun bantuan daripada kerajaan seperti bantuan oleh Risda bagi tanaman semula getah. Saiz tanah bergeran yang kecil (lihat jadual 1) menyukarkan pula untuk dibuat segala projek seperti tanaman semula berkelompok getah kerana saiz yang kecil adalah tidak menguntungkan bagi pihak Risda mengusaha-kannya. Di samping itu tanah sawah yang tidak bergeran adalah tidak terjamin hak milik kerana kerajaan atau pihak projek Endau-Rompin boleh mengambilnya bila-bila masa. Menurut peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Projek Sawah Endau-Rompin pemilikan bergeran tanah sawah tersebut akan diberikan kepada petani yang berumur 45 tahun ke bawah dengan keluasan 12 ekar seorang<sup>1</sup>. Daripada kajian didapati 26 responden (52%) berumur lebih dari 45 tahun. Golongan ini (45 tahun ke atas) dengan sendirinya tidak mempunyai tanah jika peraturan pemilikan itu dilaksanakan. Ini akan mewujudkan

1

Hasil temubual dengan Mohamad b. Sabtu - Pengarah Komponen Projek Endau-Rompin pada 24.4.1985.

tuan tanah, golongan penyewa dan seterusnya stratifikasi sosial yang semakin melebar di antara petani.

#### 4.2 Kegunaan Tanah

Kawasan kajian ini adalah sebuah kawasan yang berhampiran dengan laut China Selatan (3 km.). Tanahnya adalah mendatar dan cuma terdapat sedikit sahaja kawasan yang berbukit bukau iaitu **di sebelah utaranya**. Dengan demikian terdapat beberapa penggunaan tanah di kawasan ini. Kegunaan tanah ikut keluasan hasil soal-selidik terhadap 50 responden dapat dilihat dari jadual 4.

Jadual 4

#### Jenis dan Luas Penggunaan Tanah

Jenis Kegunaan	Keluasan Dalam Ekar	Peratus
Padi	187	83
Getah	19	9
Dusun	12	5
Lain-lain	7	3
<b>Jumlah</b>	<b>224</b>	<b>100</b>

Didapati tanah paling banyak digunakan adalah untuk penanaman padi 187 ekar (83%). Tanah yang digunakan untuk penanaman

padi adalah di kawasan sekitar Setajam Darat. Di Setajam, Mentara dan Lantang tidak terdapat tanah sawah.

Daripada jadual 4 didapati luas tanah yang digunakan untuk tanaman getah ialah 19 ekar (9%). Keseluruhan kebun getah ini adalah kepunyaan penduduk tempatan. Tanaman getah adalah tertumpu di Lantang dan Setajam sahaja.

Hasil daripada soalselidik terhadap 50 responden didapati seluas 12 ekar ditanam dengan pokok buah-buahan. Tanah yang digunakan untuk tanaman buah-buahan ini adalah tanah di kawasan perkampungan di Setajam, Mentara dan Lantang dan tidak terdapat tanaman buah-buahan di kawasan sawah (Setajam Darat). Pokok buah-buahan ini ditanam secara bercampur iaitu rambutan, durian, langsat dan mempelam. Sementara itu seluas 7 ekar yang ditanam dengan tanaman seperti kelapa, koko dan pisang.

Hasil dari kajian terdapat tanah terbiar di kampung ini. Tanah terbiar adalah kawasan-kawasan yang telah diberi hak milik tetapi tidak diusahakan atau terbiar langsung lebih dari tiga tahun secara berturut-turut. Kebanyakan tanah terbiar yang terdapat di kampung ini ialah tanah getah. Ini adalah kerana pokok-pokok getah tua yang sudah tidak bertoreh lagi. Daripada soalselidik terhadap 10 responden yang mempunyai tanah hak milik tiga responden mempunyai tanah terbiar (8 ekar) di mana semuanya tanah getah. Tanah tersebut tidak diusahakan kerana tidak ekonomik disebabkan saiz kluasan yang kecil akibat pemecahan harta pesaka.

Tanah terbiar ini bukan sahaja merupakan satu pembaziran namun ianya menjadi tempat pembiakan musuh-musuh seperti babi, tikus dan penyakit tanaman.

#### 4.3 Cara-Cara Pemilikan Tanah

Ada beberapa cara pemilikan iaitu secara usaha sendiri pesaka dan pembelian. Bagi golongan mendatang ianya memperolehi tanah melalui usaha sendiri dan pembelian. Bagi penduduk tempatan selain daripada usaha sendiri dan pembelian, ianya juga memperolehi melalui warisan (pesaka).

Jadual 5

Cara-Cara Pemilikan Tanah

Cara-Cara Pemilikan	Jenis-jenis Kegunaan Tanah			
	Sawah	Getah	Dusun	Lain-Lain
Usaha Sendiri	44	4	8	5
Pesaka	3	3	7	8
Pembelian	3	1	1	-
Jumlah	50	8	16	13

Dari jadual 5, didapati cara pemilikan tanah dengan usaha sendiri adalah tinggi terutamanya pemilikan tanah sawah

(44 orang). Bagi pemilikan tanah getah seramai 4 orang, dusun 8 orang dan lain-lain 5 orang. Pemilikan tanah getah dengan cara usaha sendiri hanyalah orang tempatan sahaja dan ianya memiliki geran yang sah yang berbeda dengan tanah sawah di mana tidak mendapat geran yang sah lagi.

Cara pemilikan tanah sawah secara pesaka terdapat tiga orang. Berbeda dengan tanah sawah yang diterokai di kawasan sawah Projek Endau-Rompin, pemilikan tanah sawah pesaka ini adalah mempunyai geran yang sah. Di samping itu terdapat 3 orang yang menerima tanah pesaka bagi tanah getah, 7 orang dusun dan 8 orang lain-lain. Daripada kajian didapati pemilikan secara pesaka adalah hanya melibatkan penduduk tempatan sahaja.

Daripada jadual menunjukkan terdapat 3 orang yang memperolehi tanah sawah melalui pembelian. Tanah sawah ini dijual oleh petani yang terpaksa pulang ke tempat asal kerana tidak yakin akan memperolehi geran secara sah terhadap tanah sawah tersebut. Cuma terdapat seorang sahaja yang memperolehi tanah getah secara pembelian dan seorang tanah dusun. Tanah-tanah selalunya dijual oleh pemilik-pemiliknya dengan sebab untuk menunaikan haji, perbelanjaan ataupun membeli tanah di tempat lain (berhijrah). Sebagai kawasan tanah rezab Melayu maka proses pembelian adalah berlaku di antara orang-orang Melayu sahaja.

Daripada kajian, didapati setiap keluarga merupakan pemilik dan penyewa tanah yang menyebabkan sistem sewa kurang meluas.

Golongan yang mengambil upah biasanya melakukannya setelah kerja mereka siap, diminta pertolongan ataupun dimasa keperluan wang. Dengan demikian tidak mewujudkan petani mewah, sederhana dan miskin dengan jelas di sini. Bagi golongan makan gaji, mereka selalunya mengupah untuk mempercepatkan kerja seperti musim menanam dan menuai.

#### **4.4 Pendapatan**

Sebagai sebuah masyarakat petani, maka sumber pendapatan bagi penduduk kampung Setajam adalah hampir serupa antara tiap keluarga. Dengan itu pola yang hampir sama dalam pendapatan antara tiap petani. Jadual 6 menunjukkan pendapatan bulanan hasil daripada soalselidik.

**Jadual 6**

**Pendapatan Bulanan Penduduk Kampung Setajam**

Pendapatan (\$) Keluarga	Bilangan Orang	Peratus (%)
501 ke atas	1	2
401 - 500	1	2
301 - 400	3	6
201 - 300	5	10
101 - 200	34	68
< 100	6	12

Daripada jadual 6, kategori pendapatan bulanan \$101 - \$200 adalah paling tinggi 34 responden (68%). Daripada 34 responden 31 responden adalah penanam padi, 2 responden penoreh getah dan penanam padi dan 1 responden nelayan (penangkap ikan) dan penanam padi. Bagi 31 responden (penanam padi) pada musim tidak bersawah mereka bekerja sebagai buruh upahan dan bagi penoreh dan nelayan mereka menanam padi pada masa tidak menoreh dan menangkap ikan. Selalunya mereka ini menanam padi cuma untuk keperluan makan sahaja dan dijual jika terdapat lebihan dari keperluan.

Daripada jadual, didapati 5 responden (10%) yang berpendapatan antara \$301 - \$401, mereka ini terdiri dari 3 responden penanam padi, 1 responden penoreh getah dan penanam padi dan 1 responden nelayan dan penanam padi. Bagi golongan yang kategori pendapatan kurang dari \$100 (14%) mereka ini adalah golongan tua (50 tahun ke atas) di mana mereka cuma mengharapkan pendapatan daripada kerja-kerja pertanian di kampung dan tidak pergi kerja ke luar seperti menjadi buruh kontrak pada masa tidak bersawah. Seorang daripada tujuh responden tersebut merupakan responden yang mendapat bantuan kebajikan masyarakat dan seorang tidak bekerja di mana mendapat wang hasil dari kiriman anak-anak.

Selain daripada itu terdapat seorang responden berpendapatan 401 - 500 dan seorang responden berpendapatan 501 ke atas. Bagi responden yang berpendapatan 401 - 500 selain daripada menanam padi beliau juga merupakan peniaga. Responden yang berpendapatan 501 ke atas adalah seorang peniaga, penanam padi dan pemilik tanah

getah di mana orang lain menorehnya.

Pendapatan petani adalah tidak tetap. Bagi penoreh getah mereka jarang menoreh pada bulan Oktober - Januari kerana musim hujan. Pada bulan March hingga bulan Mei merupakan musim daun getah meluruh dan susu yang dikeluarkan adalah sedikit. Di Kampung ini kebanyakannya getah tua masih lagi ditoreh. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK 1975: 193) menyatakan purata kadar pengeluaran seekar pekebun kecil 670lb berbanding dengan 1020lb getah ladang. Ini kerana getah yang tua, tidak dibajai dan diracuni rumput-rumput akibat kekurangan modal dan menyebabkan pendapatan mereka rendah.

Bagi golongan pesawah, ada di antara mereka yang tidak menjual padi mereka dan cuma untuk kegunaan keluarga. Mereka ini mendapat sumber kewangan seperti menoreh getah dan menjadi buruh upahan. Padi di kawasan kajian ditanam setahun sekali. Ini adalah akibat ketiadaan empangan untuk pengairan. Di samping itu banyak sawah-sawah yang terbiar tidak diusahakan akibat ketiadaan air dan seterusnya menjadi kawasan pembiakan tikus dan serangga perosak. Kekurangan penggunaan teknologi menyebabkan hasil pengeluaran adalah rendah. Kawasan kajian cuma terdapat sebuah jentera pembajak dan banyak sawah yang ditanam padi tetapi tidak dibajak kerana kekurangan jentera pembajak dan modal.

Bagi nelayan mereka terpaksa menganggur sementara di musim laut gelora (Oktober-Januari) kerana perahu-perahu mereka kecil.

Ketiadaan agen pemasaran seperti Majuikan menyebabkan nelayan sentiasa dieksplot oleh orang tengah. Penggunaan motor yang kecil menyebabkan mereka menangkap ikan di sekitar pantai sahaja dan ini mengurangkan jumlah tangkapan mereka.

#### **4.5 Perbelanjaan**

Dalam kajian kes yang dijalankan, seperti perbelanjaan penduduk kampung Setajam adalah bergantung kepada jumlah pendapatan setiap keluarga. Bagi keluarga yang mempunyai pendapatan tinggi, perbelanjaan juga tinggi. Di samping itu berlakunya perbelanjaan yang melebihi pendapatan. Perbelanjaan penduduk di kampung ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu perbelanjaan keseluruhan dan perbelanjaan makan dan minum. Perbelanjaan keseluruhan setiap bulan bagi 50 responden dapat dilihat dalam jadual 7.

Perbelanjaan makan dan minum pula dapat dilihat dari jadual 8. Daripada kajian terdapat di kalangan responden yang berbelanja lebih dari pendapatan. Dilihat dari jadual 6 (pendapatan) didapati 6 responden (12%) yang berpendapatan kurang dari \$100. Ini menimbulkan ketidakseimbangan antara pendapatan dengan perbelanjaan. Pengkaji mendapat lebihan perbelanjaan ini selalu ditampung oleh petani dengan melakukan hutang barang di kedai, meminjam dan ada juga yang bergadai. Daripada jadual 6 dan 7 didapati peratusan pendapatan dan perbelanjaan tiap kategori adalah hampir sama. Ini dapat dilihat kategori \$101 - 200, pendapatan

Jadual 7Perbelanjaan Bulanan Penduduk Kampung Setajam

Perbelanjaan Bulanan (\$)	Bilangan	Peratus
501 ke atas	1	2
401 - 500	1	2
301 - 400	2	4
201 - 300	7	14
101 - 200	35	70
Kurang dari 100	4	8
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Jadual 8Perbelanjaan Makan-Minum Penduduk Kampung Setajam

Perbelanjaan Bulanan (\$)	Bilangan	Peratus
201 - 300	4	8
101 - 200	37	74
Kurang 100	9	18
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

(68%), perbelanjaan 72%, kategori \$201 - 300 pendapatan 10%, perbelanjaan 14%, kategori \$301 - 400 pendapatan 6%, perbelanjaan 4%, kategori 401 - 500 pendapatan 2%, perbelanjaan 2%, kategori 501 - ke atas pendapatan 2%, perbelanjaan 2%. Ini menunjukkan pendapatan petani kurang dibuat tabungan kerana pendapatan yang tinggi biasanya perbelanjaan juga tinggi.

Daripada jadual 8, didapati perbelanjaan terhadap makanan dan minuman adalah tinggi jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan (jadual 7). Terdapat 9 keluarga (18%) yang berbelanja kurang dari \$100, 37 keluarga (74%) berbelanja \$101 - \$200 dan 4 keluarga (8%) berbelanja \$201 - 300 untuk makanan dan minuman.

Jadual 7 menunjukkan 35 keluarga (70%) yang berbelanja \$101 - \$200. Jika dibandingkan dengan jadual 8 didapati perbelanjaan makanan dan minuman bagi kategori \$101 - 200 adalah 37 keluarga (74%). Ini bersetujuan dengan teori ekonomi kecenderungan **sut** mengguna yang menyatakan bahawa golongan bawahan (berpendapatan rendah) perbelanjaan terhadap makanan dan minuman adalah tinggi berbanding dengan keperluan lain seperti pakaian, perabut rumah, hiburan, pelajaran dan kenderaan.

Sebagai masyarakat petani yang menanam padi, maka beras tidak perlu dibeli. Dengan demikian bahan makanan dan minuman yang terpaksa dibeli ialah ikan (bagi yang tidak menangkap ikan), sayur-sayuran, bahan-bahan minuman dan lain-lain bahan

makanan yang tidak dapat dikeluarkan sendiri.

Pengkaji juga mengkaji jenama rokok yang dihisap oleh penduduk kampung ini. Ini dapat dilihat dari jadual 9.

Jadual 9

Jenama Rokok Yang Dihisap

Jenama Rokok	Bilangan	Peratus
Tidak menghisap rokok	5	10
Rokok Pucuk	29	58
Gold Flake, Virginia Gold dan Doral	11	22
Benson and Hedges dan Dunhill	5	10
Jumlah (Ketua Isirumah)	50	100

Daripada jadual 9, didapati 29 responden (58%) menghisap rokok pucuk dan 11 responden (22%) menghisap Gold Flake, Virginia Gold dan Doral. Ini menunjukkan penduduk di sini ramai menghisap rokok yang bermutu rendah. Rokok pucuk umpamanya boleh dicari sendiri ataupun dibeli dengan harga yang murah (20 sen) satu ikat. Hanya terdapat 5 responden (10%) yang menghisap Benson and Hedges dan Dunhill, di mana 2 orang adalah peniaga.

Petani di kawasan kajian menghadapi masalah kos pengeluaran yang tinggi. Perbelanjaan yang banyak diperlukan untuk pengeluaran, dapat dilihat dari jadual 10.

Jadual 10

Kos Pengeluaran 3 ekar Sawah Secara Kasar

Perkara	Kos (\$)	Peratus
Bajak	540	33
Benih	50	3
Racun	150	9
Upah Sabit	370	22
Upah Meracun	45	3
Upah Tanam	260	16
Lain-lain Upah	250	15
Jumlah	\$1655	100

Kos yang ditunjukkan dalam jadual 10 merupakan kos jika-lau tiadanya serangan tikus ataupun serangga yang memaksa padi ditanam dua kali serta penggunaan racun serangga. Dalam jadual 10 tidak ditunjuk kos bagi baja kerana petani mendapat subsidi dari Pertubuhan Peladang. Hitung panjang pengeluaran ialah 48 guni (3 ekar) jika tiada serangan tikus, babi, serangga dan gajah serta

padi menjadi dengan subur. Harga satu guni y<sup>ang</sup> sebenarnya ialah \$40 seguni dengan subsidi. Dengan demikian ia ialah \$1920.00 dengan kelebihan \$265.00 sahaja dalam seorang musim.

Tetapi yang menjadi masalah kepada petani apabila serangan tikus, serangga perosak, gajah dan babi di mana kos yang lebih tinggi terpaksa ditanggung seperti yang berlaku pada tahun 1985. Daripada kajian terdapat 5 responden yang mendapat 5 guni & ekar dan 6 responden di mana sebahagian sawah padi mereka tidak dapat dituai langsung. Inilah yang menyebabkan walaupun petani mengusahakan tanpa upah namun kos juga melebihi nilai pengeluaran. Petani juga terpaksa menanggung kos mengangkut guni-guni padi kerana lori yang mengangkut padi ke kilang tidak dapat masuk ke kawasan sawah kerana jalan yang sempit dan rosak. Dalam tebubuhan yang dijalankan dengan tiap responden ataupun bukan responden mereka mengatakan jika kerja mereka dikira dalam nilai upah, maka kos adalah lebih tinggi dari hasil pengeluaran.

#### 4.6 Jenis-Jenis Pemilikan Yang Lain

Yang dimaksudkan dengan jenis-jenis pemilikan yang lain ialah kereta, motorsikal, basikal, perabut-perabut rumah (kerusi dan meja), telivisyen, radio, peti ais, periuk elektrik dan Vedio. Jadual 11 menunjukkan jenis-jenis pemilikan daripada 50 responden.

Jadual 11Pemilikan Harta Benda

Jenis Pemilikan	Bilangan (Orang)	Peratus
Kereta	1	10
Motorsikal	10	20
Basikal	27	54
Perabut Rumah (kerusi & meja)	9	18
Televisyen Hitam Putih	9	18
Telivisyen Warna	2	4
Peti Ais	3	6
Motor Air (kecil)	2	4
Mesin Jahit	5	10

Daripada jadual 11, didapati cuma seorang responden yang mempunyai kereta. Beliau merupakan seorang peniaga yang berjaya di kampung ini. Motorsikal (10 responden 20%) dan basikal 24 responden (54%) kerana motorsikal dan basikal merupakan pengangkutan yang penting bagi penduduk di kampung ini samada untuk ke pekan bekerja, mengangkut padi dan kenaikan di dalam kampung. Dalam kajian, pengkaji mendapati cuma 3 buah motorsikal yang mempunyai cukai jalan yang boleh digunakan untuk ke bandar (kawasan jalan yang dikenakan cukai jalan). Basikal banyak digunakan kerana ia juga digunakan untuk kenaikan bagi murid sekolah.

Bagi telivisyen pula, cuma terdapat dua responden yang mempunyai telivisyen warna. Kedua-dua mereka merupakan peniaga dan juga penanam padi. Motor air (bot) adalah dimiliki oleh responden yang menangkap ikan. Pemilikan barang-barang tersebut tidak bererti petani di kawasan ini mewah kerana terutamanya motor-sikal dan basikal telah menjadi satu keperluan kepada mereka.

Di kawasan kajian ini, pengkaji mendapati sangat kurang penduduk yang menternak. Bagi kerbau pula ianya telah berkurangan. Ini disebabkan petani di sini tidak lagi menggunakan kerbau untuk membajak. Menurut penduduk di sini, kerbau sukar di ternak kerana ianya terpaksa ditambat pada musim padi kerana sawah padi tidak berpagar. Jadual 12 menunjukkan jumlah pemilikan binatang ternakan bagi 50 responden.

#### Jadual 12

##### Jenis Dan Pemilikan Binatang Ternakan

Jenis Binatang	Bil. Penternak	Jumlah Binatang Ternakan
Kerbau	1	3 ekor
Lembu	3	19 ekor
Kambing/Biri-biri	4	15 ekor
Ayam	21	253 ekor

Daripada jadual 12 didapati 4 responden yang menternak lembu. Lembu lebih senang di ternak dari kerbau kerana ia tidak berjalan-jalan jauh. Daripada 4 penternak, 3 penternak adalah penduduk tempatan dan seorang penduduk mendatang yang memelihara secara pedua (bahagi dua). Bagi ayam pula dipelihara untuk kegunaan sendiri dan cuma seorang sahaja responden yang menternak untuk dijual di kampung yang berjumlah 68 ekor (25%) daripada jumlah keseluruhan ayam.

Kekurangan binatang ternakan di kawasan kajian kerana masalah padang ragut bagi binatang ternakan. Jadual 13 menunjukkan jenis dan jumlah bantuan ternakan yang diberi oleh jabatan Haiwan Daerah Rompin terhadap penduduk kampung ini.

Jadual 13

Bantuan Ternakan (Lembu) 1969-1983

Nama Kampung	Bilangan Bantuan Binatang Ternakan
Setajam	19 ekor
Mentara	14 ekor

Sumber: Jabatan Haiwan Daerah Rompin

Jumlah lembu yang dibahagikan adalah jumlah dari tahun 1969 hingga 1985. Bantuan lembu ini telah diberhentikan pada tahun

1983. Akibat serangan penyakit lembu (haiwan) menyebabkan berkurangnya binatang ternakan ini sekarang. Satu projek ternakan biri-biri usahasama antara Risda dan Jabatan Haiwan sedang dalam perancangan di kampung Setajam. Binatang ternakan ini diternak di kawasan tanaman getah (sudah besar) dan seluas 2 ekar padang ragut akan disediakan di dalam kebun getah yang dijayakan oleh pihak Risda. Projek ini dinamakan Projek Pemeliharaan Kambing dan Biri-biri Secara Intergrasi Dengan Tanaman Utama<sup>1</sup>.

#### 4.7 Kemudahan Asas

Walaupun kampung Setajam menikmati kemudahan asas, seperti jalan, elektrik, air dan telefon, ini tidak bermakna keseluruhan penduduk kampung dapat menikmatinya. Pembekalan air dan elektrik tidak meliputi Kampung Setajam Darat. Jumlah yang menikmati kemudahan ini dapat dilihat dari jadual 14 hasil soalselidik terhadap 50 responden.

Di dapati dari jadual 14, 11 responden (22%) yang menikmati kemudahan dari bekalan elektrik. Akibat kemiskinan dan keadaan rumah yang buruk maka 'wiring' tidak dapat dilakukan pada kebanyakan rumah di kampung Setajam, Mentara dan Lantang. Begitu juga dengan bekalan air cuma 8 responden (16%) yang mempunyai paip

---

1

Temubual dengan Pembantu Urusan Haiwan Kuala Rompin pada 24.4.85.

Jadual 14Jumlah Menikmati Kemudahan

Jenis Kemudahan	Bilangan	Peratus
Elektrik	11	22
Paip	8	16
Pelita	39	78
Paip Tumpang	10	20
Perigi/Hujan	32	64
Tandas	10	20

sendiri. Seramai 10 responden (100%) menumpang paip dari jiran mereka. Selalu golongan yang menumpang ini menggunakan air cuma untuk tujuan memasak dan minum sahaja. Penggunaan air hujan dan perigi (32 responden 64%) adalah terutamanya di Setajam Darat 56 responden dari 32 responden). Terdapat cuma 10 responden (20%) yang menggunakan tandas. Tandas yang digunakan adalah jenis tandas curah. Kekurangan menggunakan tandas kerana tiadanya bekalan air paip ke rumah yang menyukarkan penggunaan tandas.

#### 4.8 Pemasaran

Petani di kawasan kajian benar-benar menghadapi kesulitan dalam pemasaran. Ini kerana tiadanya agen pemasaran seperti LPN

(bagi padi dan Risma bagi getah) yang membeli hasil-hasil pertanian mereka. Dengan demikian hasil pertanian dibeli oleh orang tengah dan dijual pula kepada orang tengah kedua. Dengan ini petani dieksplot oleh orang tengah yang hanya memikirkan keuntungan. Orang tengah pertama adalah petani di sini yang mampu dan orang tengah kedua pula selalunya datang dari Muar atau Kuala Trengganu. Bagi penoreh getah pula ia menjualnya ke kedai di Pekan Endau. Jumlah jualan bagi padi dapat dilihat dari jadual 15.

Jadual 15

Jumlah Jualan Padi

Nama Pembeli	Pembelian Tahun 1984	Jumlah (\$)	Pembelian hingga April 1985	Jumlah
Abdul Razak	1200 guni	42,000	400 guni	\$14400
En. Omar	-	-	120 guni	\$4280

Jumlah pembelian tersebut bukanlah dari petani di kampung Setajam sahaja kerana ianya meliputi kampung-kampung<sup>1</sup> berhampiran. Dalam penjualan padi setiap petani mendapat \$16.54 setiap 100 kilogram sebagai subsidi daripada Pertubuhan Peladang. Ketiadaan agen

**L**

Petani-petani dari kampung lain seperti Pianggu, Sarang Tiong, Penambang, dan kampung Selancar yang menanam padi dikawasan sawah Projek Endau-Rompin juga menjual di situ.

pemasaran seperti LPN ini menyebabkan petani kurang bersemangat untuk mengusahakan sawah lebih luas kerana orang tengah kedua sering menurunkan harga apabila hasil yang berlebihan<sup>1</sup>.

#### 4.9 Simpanan Dan Hutang

Dalam kajian yang dijalankan, kesukaran didapati bagi mendapatkan maklumat pada bahagian ini, Responden didapati segan untuk menyatakan simpanan dan hutang. Simpanan yang dilakukan dalam kajian ini ialah simpanan dalam bentuk wang dan saham. Walaupun kebanyakan pendapatan mereka dihabiskan untuk perbelanjaan (lihat jadual 6 pendapatan) dan jadual 7 (perbelanjaan) namun ini tidaklah bererti tiadanya tabungan dilakukan. Namun demikian simpanan mereka tidak kekal lama dan kerap kali dikeluarkan apabila keperluan mendesak. Jadual 16 menunjukkan jumlah petani yang mampu menyimpan daripada 50 responden yang disoalselidik.

Dalam kajian, didapati mereka menabung bukanlah hasil dari pekerjaan seperti bersawah padi, menoreh getah dan menangkap ikan. Bagi penanam padi, selain dari tujuan mendapatkan wang ianya adalah untuk kegunaan sendiri. Hasil jualan padi sekadar untuk menampung kos dan membeli barang keperluan yang lain. Mengenai menoreh getah, hasil yang didapati sekadar cukup perbelanjaan

1

Orang tengah kedua merupakan pembeli yang datang dari luar seperti dari Muar dan Kuala Trengganu yang membeli dari wakil pembeli di kampung.

Jadual 16Tempat Dan Jumlah Penyimpanan

Tempat Simpanan	Penyimpanan	Peratus
Tiada Simpanan	21	42
Rumah	13	26
Bank Simpanan Nasional	5	10
Tabung Haji	6	12
Amanah Saham Nasional	18	36
Saham Peladang	9	18

harian. Didapati simpanan mereka adalah hasil dari kerja kontrak dan bagi penduduk tempatan pada musim buah-buahan dan penjualan binatang ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing di mana wang tersebut disimpan.

Amanah Saham Nasional merupakan tempat simpanan dalam bentuk saham yang paling ramai (18 orang). Namun daripada 18 orang, cuma 3 orang yang membuat pelaburan tambahan. Walaupun jumlahnya ramai namun nilai pelaburan adalah kecil di mana 10 orang membuat pelaburan sebanyak \$10.00 (1 unit saham). Daripada soalselidik nilai pelaburan bagi 18 responden tersebut berjumlah \$480.00.

Pertubuhan Peladang mengeluarkan saham kepada ahlinya. Seramai 9 responden yang menyertai saham peladang ini. Daripada 9

responden nilai sahamnya ialah \$500. Namun tidak ada responden yang membuat pelaburan tambahan. Terdapat 5 responden yang menyimpan dengan Bank Simpanan Nasional. Jumlah simpanan 5 responden tersebut ialah \$850.

Seramai 6 orang responden yang menyimpan dengan Tabung Haji, mereka ini adalah golongan yang berumur 50 tahun ke atas yang mungkin bertujuan untuk menunaikan fardhu haji. Daripada 6 responden tersebut jumlah simpanannya cuma \$1050. Daripada kajian, pengkaji mendapati jumlah orang yang menyimpan di rumah paling ramai (21 responden 42%). Namun simpanan adalah simpanan yang sentiasa digunakan (iaitu simpanan sementara sahaja). Dengan itu pengkaji sukar memungut data kerana menurut responden tersebut bahawa jumlah wang itu akan berubah pada hari kajian itu juga kerana selalu digunakan. Simpanan di rumah ini kadangkala cuma \$10 sahaja.

Seramai 21 responden yang tidak mempunyai simpanan. Golongan inilah yang selalu menanggung hutang. Kemerosotan hasil pengeluaran padi tahun 1985 salah satu punca menyebabkan wang simpanan mereka habis digunakan. Walaupun daripada kajian menunjukkan 29 responden mempunyai simpanan namun tidak terdapat responden yang menyimpan melebihi \$2000.

Mereka melakukan simpanan adalah bertujuan untuk menghadapi masa hadapan yang tidak pasti. Bagi yang mempunyai anak yang bersekolah, simpanan amat perlu untuk anak melanjutkan pelajaran.

Walaupun mereka mampu menyimpan dan membeli saham (Amanah Saham Nasional dan Saham Peladang) ini tidaklah bererti telah berlebih wang dari kegunaan kerana apa yang didapati golongan yang menyimpan juga mempunyai hutang.

#### 4.10 Pinjaman dan Hutang

Dalam kajian didapati kerapkali petani di sini melakukan hutang kerana berbagai keperluan seperti mengusahakan sawah, rumah-tangga (keperluan dapur) persekolahan anak-anak dan masa kecemasan. Apabila berlakunya pinjaman dan hutang ini menyulitkan lagi bagi mereka untuk membuat simpanan. Kemerosotan hasil padi pada tahun 1985, menyebabkan berlakunya 'hutang tergantung' di mana hutang tersebut gagal dijelaskan mengikut janji dan ianya ditambah pula dengan hutang baru. Jadual 17 menunjukkan kategori hutang dan jumlah orang yang berhutang.

Daripada jadual 17, 42 responden (84%) adalah berhutang. Jumlah orang paling ramai berhutang ialah kurang dari 100 (29 responden 58%). Ini kerana ramai petani yang berhutang barang di kedai dan selalunya hutang mereka kurang dari \$100. Terdapat 2 responden 4% yang berhutang 301 - 400, 1 responden 401 - 500 dan 3 responden lebih 500. Golongan ini selain daripada berhutang barang di kedai juga berhutang di tempat lain seperti saudara mara, kawan ataupun bergadai. Jumlah orang yang berhutang (84%), ini merupakan kadar yang tinggi dan dengan itu mereka terus dalam

Jadual 17Kategori Dan Jumlah Orang Berhutang

Kategori Hutang	Bilangan Orang	Peratus
Lebih 500	3	6
401 - 500	1	2
301 - 400	2	4
201 - 300	4	8
101 - 200	3	6
< 100	29	56
Tidak Berhutang	8	16

kemiskinan yang tiada kesudahannya.

Terdapat 8 responden (16%) yang tidak mempunyai hutang. Menurut responden tersebut, ini bukanlah bermakna mereka tidak pernah berhutang tetapi cuma tidak mempunyai hutang pada masa soalselidik ini dilakukan. Ini menunjukkan pada masa yang lepas-lepas golongan ini juga turut melakukan hutang.

Kredit atau pinjaman memainkan peranan yang penting dalam sektor pertanian, khususnya di kalangan petani-petani kecil dan miskin. Kredit diperlukan oleh petani-petani untuk berbagai tujuan. Kredit-kredit ini diperlukan oleh petani untuk membeli bahan-bahan

pertanian seperti baja, racun, benih dan lain-lain kos pengeluaran serta pemasaran. Kredit juga diperlukan oleh petani untuk membeli jentera bagi meningkatkan penggunaan teknologi moden yang dapat meninggikan produkvtiti petani. Namun daripada kajian, tidak terdapat petani yang melakukan kredit dari bank ataupun institusi kewangan yang lain. Kegagalan mendapatkan kredit dari bank kerana ianya memerlukan cagaran tanah (bergeran yang sah) sedangkan petani sendiri menghadapi masalah kekurangan dan ketiadaan tanah.

Jadual 18 menunjukkan jumlah orang yang berhutang dan sumber tempat mereka berhutang.

Jadual 18

Sumber Dan Bilangan Orang Berhutang

Sumber Hutang	Bilangan Orang	Peratus
Kawan	6	12
Saudara Mara	4	8
Pertubuhan Peladang	21	42
Orang Tengah	2	4
Hutang Kedai (barang)	42	84
Hutang Gadai	3	6

Daripada jadual 18, 42 responden (84%) adalah berhutang barang di kedai. Berhutang barang termasuklah juga para peniaga. Bagi petani di sini berhutang barang di kedai terpaksa dilakukan kerana musim penjagaan padi sebelum masak, petani tidak dapat kerja keluar dan hasil padi belum dikeluarkan lagi. Bagi yang berhutang dengan kawan atau saudara mara adalah dalam bentuk wang. Namun begitu jumlah yang berhutang dengan orang tengah, cuma 2 orang sahaja. Ini disebabkan di kawasan kajian kegiatan orang tengah tidaklah begitu meluas.

Akibat kemiskinan banyak hutang-hutang kedai di kampung Setajam ini gagal dijelaskan seperti jadual 19.

Jadual 19

Hutang Kedai Barang Di Kampung Setajam

Tuan Punya Kedai	Bil. Sipiutang	Jumlah Hutang Sehingga 28hb. April 1985	Jumlah Hutang Gagal dibayar dalam tahun 1984
Md. Sidik Tik	21 orang	\$ 385.35	\$ 124.90
Mahadzair	150 orang	\$3200.00	\$2400.00
Ishak Mohamad	20 orang	\$1253.00	\$ 684.25
Ali Osman	33 orang	\$ 907.20	\$ 401.25
Ahmadun Sip	9 orang	\$ 129.80	\$ 67.05
Long Amat	30 orang	\$2500.00	\$ 975.00
Jumlah	263 orang	\$8124.35	\$4652.20

Dilihat dari jadual 19, didapati sejumlah \$8124.35 hutang yang terkumpul sehingga 28hb. April 1985 daripada enam buah kedai barang di kampung ini. Di samping itu sejumlah \$4652.20 hutang yang gagal dijelaskan pada tahun 1984. Dalam tempoh 4 bulan sahaja jumlah hutang di enam buah kedai barang ini berjumlah \$3472.15. Kadangkala pembayaran hutang dilakukan dengan menjual padi kepada pekedai. Pendapatan yang rendah dan kadar hutang yang tinggi ini lah menyebabkan petani gagal untuk menabung dengan banyak untuk dijadikan modal.

Pertubuhan peladang Rompin<sup>1</sup> merupakan salah satu sumber kredit bagi petani di mana 21 responden (42%) yang berhutang dengannya yang berjumlah \$1775.50. Pertubuhan Peladang memberikan kredit racun dengan \$29.50 setong di samping baja subsidi yang dianggarkan bernilai \$33,600 bagi tahun 1984. Pada tahun 1983, seramai 113 orang petani **dari** kampung ini yang mendapat kredit dari Pertubuhan Peladang yang berjumlah \$10,000.50. Dari jumlah tersebut sejumlah \$8300.50 telah dibayar balik. Ini bermakna sejumlah \$1700.00 masih belum dijelaskan oleh petani kepada Pertubuhan Peladang bagi kredit 1983. Pada tahun 1984 pula seramai 86 orang

1

Pertubuhan Peladang Rompin mempunyai seramai 1920 orang ahli. Ahli bagi kampung Setajam berjumlah 163 orang (8.5%) dengan 148 orang lelaki dan 15 orang perempuan. Pertubuhan Peladang Rompin mempunyai modal (saham) pelaburan berjumlah \$25,330 dan saham bagi penduduk Setajam berjumlah \$2,575 (10.1%).

petani yang mendapat kredit berjumlah \$7611.00. Bagi kredit 1984 ini masih belum ada pembayaran balik kredit oleh petani. Sumber: Pertubuhan Peladang Rompin pada 24.4.1985.

Daripada angka-angka tersebut jelas menunjukkan bahawa Pertubuhan Peladang merupakan agensi pertanian yang memberi sumbangan besar terhadap petani di kampung ini. Kegagalan pembayaran balik kredit 1984, adalah kerana tahun 1984 merupakan musim yang paling teruk berlaku serangan musuh seperti tikus, babi serta gajah. Dengan demikian hasil padi merosot, kos menjadi tinggi dan pendapatan yang rendah.

#### 4.11 Pelajaran

Pelajaran merupakan perkara penting dalam mobiliti sosial terutamanya masyarakat Melayu dan luar bandar. Dalam kajian yang dijalankan, didapati penduduk kampung ini memberikan perhatian yang berat terhadap pelajaran.

Dalam bidang pelajaran, ianya boleh dipecahkan kepada dua iaitu pelajaran ibubapa dan pelajaran anak-anak. Pada asasnya terdapat perbedaan yang luas antara pendidikan yang diterima oleh ibubapa dengan anak-anak. Ini kerana golongan ibubapa kebanyakannya (94%) daripada 50 responden dilahirkan sebelum merdeka dan anak-anak dilahirkan selepas merdeka di mana pelajaran terbuka luas bagi mereka. Jadual 20 menunjukkan tahap pelajaran yang dicapai oleh ibubapa.

Jadual 20Tahap Pelajaran Ibu Dan Bapa

Tahap Pelajaran	Bilangan		Peratus	
	Bapa	Ibu	Bapa	Ibu
Sekolah Menengah Tingkatan (1-3)	1	-	2	-
Sekolah Rendah	26	8	52	16
Sekolah Agama	7	3	14	6
Tidak Bersekolah	16	39	32	78

Daripada jadual 20, didapati 12 bapa (24%) dan 34 ibu yang tidak bersekolah. Mereka ini merupakan golongan yang tidak tahu menulis. Walaupun tidak bersekolah tetapi mereka mengatakan mereka mampu untuk membaca Al-Quran kerana diajar oleh ibubapa mereka dahulu. Bagi yang bersekolah agama cuma 8 orang sahaja (bapa) yang bersekolah agama kerajaan, yang lain adalah sekolah agama rakyat. Terdapat 30 bapa dan 8 ibu yang bersekolah rendah. Ini tidaklah bererti kesemua mereka tamat darjah enam. Bagi bapa cuma 7 orang dan ibu 3 orang yang tamat darjah enam, mereka ini ada yang berhenti darjah satu dan 3 orang ibu tersebut merupakan ibu muda. Terdapat seorang bapa yang bersekolah menengah, tetapi cuma setakat tingkatan dua yang terpaksa berhenti kerana tidak mampu.

#### 4.12 Pelajaran Anak-Anak

Walaupun terdapat 16 bapa (32%) dan 39 ibu (78%) yang tidak bersekolah (jadual 20) namun mereka memberi perhatian berat kepada pelajaran untuk anak-anak mereka. Dengan demikian tahap pelajaran yang diterima oleh anak-anak adalah lebih tinggi daripada ibubapa seperti dalam jadual 21. Dalam kajian tentang tahap pelajaran anak-anak ini, pengkaji telah mengambil daripada keseluruhan anak penduduk kampung dan data dalam jadual 21 bukanlah tahap pelajaran anak-anak daripada 50 responden yang disoalselidik sahaja.

Jadual 21

#### Pembahagian Tahap Pelajaran Bagi Anak-Anak Penduduk Kampung Setajam

Tahap Pendidikan	Bilangan (Orang)
Universiti	2 (1 Amerika dan 1 U.S.M.)
Tingkatan 6	3
Tingkatan 4-5	12
Tingkatan 1-3	18
Darjah 1-6	276
Tidak Sekolah	8

Jumlah dalam jadual 21, adalah meliputi yang sudah bersekolah dan sedang bersekolah.

Daripada jadual didapati 2 orang anak penduduk kampung Setajam telah sampai ke menara gading. Di samping itu terdapat 3 orang yang sampai ke tingkatan 6. Ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajaran di kalangan anak penduduk kampung ini adalah tinggi kerana kampung ini merupakan kampung yang miskin serta ibubapa mereka tidaklah menerima pendidikan yang tinggi (lihat jadual 20). Walaupun begitu terdapat 8 orang anak penduduk kampung yang tidak bersekolah. Pengkaji mendapati 5 orang daripadanya adalah perempuan. Tidak dinafikan faktor kemiskinan menyebabkan mereka gagal menghantar anak mereka ke sekolah tetapi pengkaji mendapati bahawa faktor sikap tidak mengambil berat terhadap pelajaran masih wujud di kalangan setengah ibubapa.

Di sekolah rendah kebangsaan Pianggu, terdapat 351 murid. Murid daripada kampung Setajam (Mentara, Lantang dan Setajam Darat) adalah berjumlah 211 (60%) dengan 94 lelaki dan 117 perempuan. Pencapaian paling baik murid dari kampung Setajam dalam peperiksaan penilaian darjah lima 1984 ialah 4A, 1C dan 1D. (Sumber: Sekolah Rendah Kebangsaan Pianggu).

Di sekolah menengah kebangsaan Tanjong Gemok<sup>1</sup> terdapat 31 murid daripada kampung Setajam dalam tingkatan dua. Dalam senarai nama yang dihantar ke sekolah Tanjong Gemok ialah seramai

1

Sekolah Menengah Tanjong Gemok mula dibuka pada tahun 1984.

42 orang. Dua orang tukar ke sokelah lain iaitu sorang ke sekolah menengah kebangsaan Rompin dan seorang ke sekolah menengah Endau Johor. Ini bererti berlaku keciciran seramai 9 orang akibat ketidakmampuan. Dalam tahun 1985 pula seramai 39 orang murid daripada kampung Setajam yang tamat darjah enam. Dari jumlah tersebut cuma 23 orang sahaja yang melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu di sekolah menengah kebangsaan Tanjung Gemok. Di sini menunjukkan berlaku keciciran seramai 16 orang. (Sumber: Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Tanjung Gemok).

Keciciran yang berlaku ini adalah akibat dari kemiskinan di mana ibubapa mereka tidak mampu menanggung perbelanjaan sekolah. Dengan demikian mereka terpaksa berhenti dalam usia 13 tahun dan menolong ibubapa mereka bekerja. Ini secara tidak langsung anak tersebut akan menjadi petani mewarisi ibubapa mereka. Ada juga yang berhenti kerana malas. Ini mungkin disebabkan pengaruh persekitaran yang tidak menampakan perkembangan dalam pelajaran.

#### **4.13 Kesihatan**

Pengkaji mendapati penduduk kampung Setajam selalunya mendapatkan kemudahan kesihatan di klinik Tanjung Gemok dan Pusat Kesihatan kecil Endau yang terletak kira-kira 4.5 km. dan 4.8km. dari kampung Setajam. Selain dari itu terdapat sebuah klinik bidan yang terletak di kampung Pianggu yang menyediakan kemudahan bagi kaum ibu. Bagi pesakit yang menghadapi penyakit yang serius. mereka mendapatkan rawatan di hospital Rompin dan Mersing; Johor.

Sementara itu bagi golongan yang mampu, mereka kadangkala mendapatkan rawatan di klinik-klinik swasta. Sebagai sebuah masyarakat desa, pengubatan cara tradisional masih dilakukan seperti jampi serapah, bomoh dan dukun.

Hasil daripada kajian, kadar kelahiran bayi-bayi di kampung Setajam adalah seperti dalam jadual 22.

Jadual 22

Kadar Kelahiran Bagi Ogos 1984 Hingga April 1985 Mengikut Jantina

Bulan Dan Tahun	Lelaki	Perempuan	Bilangan
Ogos 1984	1	-	1
September 1984	2	2	4
Oktober 1984	1	2	3
November 1984	-	2	2
Disember 1984	2	3	5
Januari 1985	-	-	0
Februari 1985	1	-	1
Mac 1985	-	-	0
April 1985	1	1	2
Jumlah	8	10	18

Daripada jadual 22, sepanjang tempoh Ogos 1984 hingga April 1985 jumlah kelahiran bayi ialah 18 orang iaitu purata ke-lahiran 2 orang tiap bulan. Daripada jumlah tersebut 10 orang adalah perempuan berbanding dengan 8 orang lelaki. Daripada temu-bual yang dijalankan dengan ketua klinik bidan kampung Pianggu, beliau menjelaskan bahawa ibu-ibu di kampung Setajam ini sangat mengambil berat tentang penjagaan diri dan bayi mereka. Ini ter-bukti di mana ibu-ibu ini mengikut segala arahan yang diberi dan kerap datang ke klinik untuk mendapatkan rawatan dan nasihat.

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji mendapati bahawa petani sentiasa dibelengu masalah. Oleh itu pengkaji telah merumuskan cadangan-cadangan yang harus diambil untuk menghadapi masalah tersebut seperti berikut.

Penumpuan kepada satu bidang pekerjaan pertanian adalah tidak menjamin masa depan serta menambahkan pendapatan. Ini dise-babkan bidang pertanian petani menghadapi pelbagai masalah seperti pemilikan tanah, sistem sewa, orang tengah, pemasaran, pengairan dan produkvti yang rendah. Dengan ini petani harus menceburkan diri dalam bidang lain seperti berniaga untuk menambahkan pendapatan. Di samping itu pula pihak kerajaan harus melabur modal di kawasan luarbandar seperti membina industri pertukangan **tangan** dan pem-buatan.

Pihak kerajaan haruslah menyelesaikan masalah pemilikan tanah sawah. Pemberian tanah janganlah diambil kira faktor umur.

Dengan adanya tanah bergeran yang sah mereka lebih bersemangat mengusahakan tanah tersebut kerana sudah hak sendiri. Dengan cara ini juga menghilangkan kerisauan para petani.

Petani haruslah digalakan menggunakan jentera dalam penggerjaan sawah. Dengan meninggalkan amalan tradisional, daya pengeluaran tiap ekar dapat dipertingkatkan. Dengan itu bantuan jentera patut diberikan kepada petani. Selain bantuan jentera, kredit terutamanya dari Bank Pertanian dan agensi kerajaan haruslah dipertingkatkan lagi. Syarat-syarat kredit kepada petani haruslah dilonggarkan agar tidak menguntungkan golongan yang berada sahaja.

Bagi tanah terbiar, agensi kerajaan seperti Risda, Jabatan-jabatan Pertanian haruslah mengambil daya usaha untuk memajukan kerana petani kekurangan modal. Di samping itu tanah-tanah lot kecil yang terpecah melalui pembahagian harta pesaka patut disatukan dan diadakan usahasama antara keluarga. Tumpuan kepada sistem pertanian secara koperatif atau mini estet perlu menjadikan satu strategi yang diamalkan. Hanya dengan cara ini sahajalah kebun-kebun kecil dapat digabungkan secara perladangan bercorak perniagaan. Ini dengan sendirinya menghapuskan pertanian cukup makan yang menjadi punca kemiskinan kaum petani.

Selain dari daya pengeluaran yang tinggi, pemasaran yang baik amat perlu bagi kaum tani. Petani disifatkan sebagai kilang mengeluarkan tetapi soal pemasaran secara bersepadu tidak diberi

perhatian yang sewajarnya. Dengan demikian pihak LPN, FAMA, Risda, Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian haruslah menjadi agen pemasaran agar petani tidak ditindas oleh orang tengah yang semata-mata memikirkan motif keuntungan. Dengan adanya agen pemasaran seperti ini petani akan berusaha lebih giat untuk meninggikan hasil pengeluaran kerana mereka tidak lagi menghadapi masalah pemasaran.

Penanaman dua kali setahun amat perlu untuk meningkatkan pendapatan dan mengelakan kerja ke luar kerana kekurangan kerja. Untuk tujuan ini, pengairan yang sempurna hendaklah disediakan. Di kawasan kajian, tidak terdapatnya empangan. Dengan itu pembinaan empangan hendaklah disediakan. Pembinaan empangan bukan sahaja dapat membekalkan air yang secukupnya kepada pesawah tetapi dapat mengawal kadar air yang diperlukan bagi anak padi membesar dan seterusnya mengeringkannya pada waktu padi masak. Dengan adanya empangan ini petani boleh menjalankan ternakan ikan air tawar kerana bekalan air yang cukup. Ikan air bukan sahaja sumber protein kepada petani tetapi juga sebagai sumber pendapatan.

Bagi pekebun getah, getah-getah tua haruslah ditebang dan ditanam dengan getah baka baru yang banyak susu. Sikap penoreh yang suka membuat getah yang dibekukan di dalam cawan (getah buku) haruslah diberhentikan kerana getah buku adalah murah harganya berbanding dengan harga yang dibuat getah keping (getah yang dimesin).

Bagi nelayan pula, kemudahan pinjaman bot-bot besar tidak harus dipandang sepi. Kegiatan menangkap ikan perlu diurus secara komersial menerusi syarikat-syarikat nelayan atau perkongsian. Pengurusan bot-bot kecil di pesisiran pantai amat menyulitkan terutamanya musim tengkujuh serta terlalu ramainya nelayan yang bertumpu di kawasan pantai. Pergantungan kepada orang tengah patut dihapuskan dan Majuikan harus menjadi agen pemasaran. Kredit-kredit patut diutamakan kepada nelayan yang benar-benar memerlukan.

Rondaan oleh pihak berkuasa pula harus dipertingkatkan untuk mengelakan pencerobohan nelayan asing yang sudah tentu mengurangkan tangkapan nelayan tempatan. Tindakan tegas patut diambil kepada yang menggunakan pukat harimau kerana sudah terbukti pukat ini mengancam tangkapan nelayan-nelayan kecil.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, pertambuhan bilangan petani hendaklah diseimbangkan dengan keluasan tanah. Jika pertambahan petani adalah tinggi sedangkan penerakaan tanah baru tidak dipesatkan ianya akan menyebabkan ramai petani yang tidak bertanah dan meluasnya sistem penyewaan. Biarlah bilangan petani yang kecil dengan penggunaan teknologi yang tinggi. Ini dapat meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan petani.

Dengan adanya langkah-langkah seperti yang dikemukakan adalah diharapkan ianya dapat menyelesaikan masalah petani dan dapat membawa mereka keluar dari kemelut kemiskinan. Kenyataan

oleh pemimpin negara bahawa pembasmian kemiskinan akan **terus dilaksanakan** selepas tamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) membuktikan kerajaan tidak melupakan tugas berat serta menunjukkan kemiskinan masih tinggi<sup>1</sup>.

Bukan langsung berhubungan dengan pengalaman kemiskinan tetapi belakir pun hasil sejarah juga berpengaruh pada kemiskinan. Dalam pengalaman ini, misalnya, hasil tanah, hasil pengeluaran, hasil daya kerja dan daya penyaluran, orang tewek, peladang atau buruh yang tidak dilidiki kerana tanah selalu bergantung kepada pendapatan mereka. Dengan mengelihati segala seset yang berkaitan dengan pendapatan mereka, maka dapat ditentuki masalah yang mencegah mereka di dalam lembah kemiskinan dari mendekati cakangan-cakangan bekraf jalan keluar.

Ramai ahli akademik (Zaibul) telah ada membahaskan tentang kemiskinan ini sejak tahun 1977 lagi. Artikel artikel itu diberitkan dalam kajian KEM, No. 1977. Ramai penulis tempatan dari luar yang merkaji masalah kemiskinan. Penkaji-penkaji tempatan seperti Syed Rustam Ali (1977), Hj. Salleh, Wan Roslin, Mohd Fairuz Yassin dan penkaji-penkaji luar juga seperti Parkinson

<sup>1</sup> Pirth dan William Wilson, 1980. Bahan resepsi oleh Universiti Tempatan Dato Sabarudin Chik - Timbalan Menteri Kewangan dalam Utusan Malaysia 10hb. Ogos 1985.

Inil memperlihatkan bagaimana kemiskinan merupakan topik yang digemari oleh ramai penkaji dan menggunakan berbagai-bagai pendekatan seperti maklumat makro maupun mikro dan berbagai teknik analisis.

## BAB V

### KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan merupakan kajian mengenai kemiskinan. Namun ianya tidaklah bertujuan untuk mencari garis kemiskinan ataupun melahir satu teori serta detinasi yang baru mengenai kemiskinan. Dalam penyelidikan ini, aspek-aspek seperti tanah, saiz tanah, kos pengeluaran, cara mengusaha, kredit, pemasaran, daya pengeluaran, orang tengah, pelajaran dan kemudahan asas diselidiki kerana ianya melambangkan keadaan kehidupan mereka. Dengan mengetahui segala aspek yang berkaitan dengan kehidupan mereka, maka dapat diketahui masalah yang membekalkan mereka di dalam lembah kemiskinan dan mengemukakan cadangan-cadangan kearah jalan keluar.

Zainal Abidin Ahmad (Zaaba) telah mula mengkaji masalah kemiskinan ini sejak tahun 1927 lagi. Artikel beliau itu diterbitkan dalam Al-Ikhwan 16hb. Mac 1927. Ramai pengkaji tempatan dari luar yang mengkaji masalah kemiskinan. Pengkaji-pengkaji tempatan seperti Syed Husin Ali (..., Ungku Aziz, Wan Hashim, Mohd Fauzi Yaacob dan pengkaji-pengkaji luar pula seperti Parkinson Pirth dan William Wilder serta mahasiswa-mahasiswa universiti tempatan dan luar negeri telah banyak mengkaji masalah kemiskinan. Ini menunjukkan bahawa kemiskinan merupakan topik yang digemari oleh ramai pengkaji dan menggunakan berbagai-bagai pendekatan

lebih khusus. Syed Husin Ali dan Mohd Fauzi Yaacob telah membuat kajian kemiskinan dan mereka mendapati bahawa faktor tanah memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan petani samada petani mewah, sederhana dan miskin. Bagi petani mewah mereka ini terdiri dari golongan tuan tanah, sederhana biasanya ada penggerja milik tanah sendiri dan petani miskin adalah penggerja tanah orang lain. Dalam kajian tersebut Syed Husin Ali dan Mohd Fauzi Yaacob menghujah bahawa antara faktor yang menyebabkan kemiskinan petani adalah saiz tanah yang kecil akibat pemecahan, kekurangan teknologi, pemasaran, daya pengeluaran rendah, penyewaan yang tinggi dan orang tengah. Daripada kajian yang dijalankan didapati faktor-faktor di atas wujud di kawasan kajian kecuali masalah penyewaan yang tinggi kerana kawasan kajian penyewaan tidak wujud secara berluas-luasa.

Dalam membincangkan mengenai kemiskinan, sukar untuk digunakan satu teori, konsep dan ukuran yang tepat. Ini kerana kemiskinan itu perlu dilihat pada tahap pembangunan, kos sara hidup, nilai budaya, pengeluaran dan masa. Di samping itu pula, teori, konsep dan ukuran kemiskinan ianya dikemukakan oleh orang dari berbagai lapangan seperti ekonomi, politik, sosial dan agama. Pandangan tiap pengkaji adalah mengikut sudut pandangan mereka yang sudah tentu berlainan dan biasa bagi pengkaji yang berlainan agama, bangsa serta tidak memahami komuniti kajian. Didapati tiap pengkaji bukan saja antara pengkaji tempatan dengan luar, bahkan sesama pengkaji tempatan atau sesama pengkaji luar berlainan teori, konsep

dan ukuran yang digunakan. Penggunaan teori, konsep dan ukuran ini amat dipengaruhi dan masa penggunaannya mungkin sesuai pada masa tertentu tetapi tidak dapat digunakan pada masa lain. Dengan sebab itulah ketiga-tiga ini sentiasa berubah-ubah. Dalam kajian yang dijalankan didapati bahawa tiap teori dan konsep yang dikemukakan oleh serian di atas ada yang dapat diaplikasi dan ada yang tidak.

Masalah tanah merupakan masalah yang rumit di kawasan kajian. Walaupun begitu penyewaan tidak wujud berluas-luasa dan terdapatnya golongan tuan tanah dan golongan penyewa iaitu adanya kelas yang mengeksplot kelaz lain. Dengan ini tidak adanya penguasaan faktor-faktor pengeluar (output) oleh golongan tertentu. Dalam kajian ini didapati walaupun petani menghadapi masalah tanah tetapi ia tidak seperti masalah tanah seperti kajian Syed Husin Ali (1978, 1979) dan Mohd Fauzi Yaacob (1969). Dalam kajian kedua pengkaji tersebut terdapatnya masalah penguasaan tanah oleh golongan tertentu dan wujudnya petani yang langsung tidak bertanah dan mengerjakan pertanian dengan hanya menyewa. Kajian ini didapati berlainan dengan kajian Lim Cheng Yah (1967: 163) yang mendapat setengah hingga dua pertiga petani tidak mempunyai tanah. Ini kerana hasil kajian didapati 100% responden mempunyai tanah.

Walaupun petani mempunyai tanah, namun bukanlah bermakna tidak wujud masalah tanah di kawasan kajian. Kajian menunjukkan daripada 50 responden cuma 10 responden yang mempunyai tanah yang

bergeran (milik sah). Ini kerana tanah tersebut terutamanya tanah sawah (cuma 5 responden yang bergeran) dan yang lain ada memiliki tanah tersebut tanpa geran (tanah haram). Walaupun menduduki tanah haram tetapi ianya berlainan dengan setinggan. Dalam aspek ini kerajaan amat memerlukan petani untuk menghasilkan bahan makanan. Di samping itu pula pergantungan kepada tanah merupakan nadi kehidupan bagi petani. Bagi setinggan pula mereka adalah tidak diperlukan oleh kerajaan dan ianya menyukarkan kerajaan untuk melakukan pembangunan. Dengan demikian mereka mempunyai harapan untuk memiliki tanah tersebut. Pengkaji mendapati 86% responden yang mendatang tidak mempunyai tanah di kampung halaman dan mereka lari menyeroka hutan di kawasan kajian kerana inginkan tanah serta tidak tahan dengan penyewaan yang tinggi di tempat asal mereka (lihat bab 2). Dengan ini jika tanah tersebut dirampas ke: **manakah mereka** hendak dicampak, sedangkan mereka juga inginkan kesenangan.

Walaupun begitu kadar pemilikan tanah yang dimiliki adalah saiz yang kecil iaitu 44% memiliki 2-4 ekar dan cuma 4% yang lebih dari 8 ekar. Dalam kajian ini didapati hubungan yang rapat antara **keluasan tanah** dengan pendapatan. Bagi petani yang mempunyai tanah luas memperolehi pendapatan yang tinggi. Hitong panjang pendapatan tiap keluarga ialah \$180.00 sebulan iaitu jauh dari garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan<sup>1</sup>. Pembahagian harta

1

Garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Penyelidikan Sosio Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (SERU) ialah \$384.00 untuk 6 orang.

pesat menyebabkan berlakunya pemecahan hak milik menjadi lot-lot kecil. Dengan demikian tidak ekonomik diusahakan maka tanah tersebut menjadi tanah terbiar. Ini bersesuaian dengan kajian Syed Husin Ali (1979).

"Salah satu petunjuk yang paling jelas tentang kemiskinan mereka ialah luasnya tanah yang dimiliki dan secara umum ini akan menjelma dalam tingkat pendapatan mereka yang rendah".

Brien Parkinson pula telah mendakwa bahawa kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan oleh Islam. Pendapat beliau ini telah disangkal oleh para pengkaji tempatan seperti Mohd Fauzi Yaacob (1969) dan Syed Husin Ali (1979) dan Wan Hashim (1984). Tuduhan beliau adalah lemah dan tidak berdasas. Ini kerana terdapatnya orang-orang Islam yang kaya raya hingga menjadi hartawan dan jutawan, baik kalangan orang Melayu dan bukan Melayu. Dalam setiap negara, setiap agama, setiap masyarakat pasti ada orang kaya dan ada pula orang miskin. Dalam kajian yang dijalankan jelas sekali teori Parkinson tidak dapat diaplikasikan terhadap petani di sini. Dalam kajian ini penduduk kampung Setajam adalah rajin berusaha, bekerja dari pagi sampai ke petang.

Bagi petani mendatang pula mereka ini sanggup meninggalkan kampung halaman dan meneroka hutan untuk dijadikan sawah. Faktor agama, bangsa atau budaya tidak boleh sewenang-wenangnya digunakan untuk menjelaskan kemajuan atau kemunduran sesuatu komuniti.

Dalam Islam tidak ada sekatan untuk mencari kekayaan dan diadakan institusi zakat untuk membantu golongan miskin. Dengan adanya fardhu haji, secara tidak langsung menggalakan petani berusaha lebih giat meningkatkan ekonomi.

Pendapat Parkinson yang menyatakan bahawa orang Melayu takut kepada alam persikitaran yang asing bagi mereka dan lebih suka kepada kerja-kerja yang sudah biasa adalah tidak benar. Ini terbukti dari penghijrahan penduduk kampung Setajam ke rancangan Felda, penghijrahan anak-anak muda ke bandar ataupun bekerja kontrak hingga ke Singapura. Dalam kajian ini petani mempunyai cita-cita lain seperti bermiaga, dan mengusahakan pertanian secara moden serta kurang menggalakan anak mereka menceburkan diri dalam pertanian. Mereka sentiasa bersedia menerima segala projek kerajaan agar membawa perubahan kehidupan. Ini menunjukkan bukanlah sikap mereka yang negetif tetapi adalah peluang itu tidak ada. Bagi nelayan pula, bukanlah sikap mereka yang takut jauh dari kaum keluarga tetapi kekurangan peralatan seperti bot, enjin dan pukat, menyebabkan mereka gagal untuk menangkap ikan jauh ke laut. Kekurangan peralatan ini kerana mereka kekurangan modal.

Syed Hussein Al-Attas (1972: 57) berpendapat "Bagi membangunkan kesedaran dan membentuk semangat yang sihat, maka perlu dihidupkan unsur-unsur yang membawa kemajuan". Jika kita selidiki unsur-unsur yang dititikberatkan oleh Islam, maka nyatalah bahawa sebenarnya unsur-unsur itulah yang pada umumnya diperluaskan bagi

kemajuan. Kemiskinan yang wujud bukanlah disebabkan mereka tidak mahu menerima perubahan atau pembaharuan. Tetapi petani di kampung ini miskin akibat ketidakmampuan ekonomi. Mereka bukannya tidak mahu maju atau hidup senang tetapi ketidakmampuan ekonomi menyebabkan mereka harus berpuas hati dengan apa yang ada, lebih-lebih lagi lokasi desa tempat petani tinggal adalah masih jauh terpencil dari pusat pembangunan, bandar dan kawasan yang lebih dinamik dari segi proses perubahan. Dalam kajian ini, jelas menunjukkan bahawa ketidakmampuan ekonomi menyebabkan penduduk kampung Setajam gagal menikmati sepenuhnya kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan seperti air dan api. Kedudukan kampung ini walaupun tidak terpencil tetapi galakan ke arah pembangunan adalah kurang kerana ia cuma berhampiran dengan Pekan Endau (Johor), sebuah pekan kecil dan pengkalan nelayan.

Teori ciri-ciri personaliti dan kebudayaan yang menganggap bahawa sikap perseorangan atau kebudayaan yang negatif menyebabkan mereka miskin. Namun daripada kajian sikap ini tidak lahir di kalangan responden. Kalau boleh mereka mahu anak mereka melanjutkan pelajaran seberapa yang tinggi serta kurang menggalakan anak-anak mereka bergiat dalam bidang pertanian. Selain daripada itu mereka mempunyai cita-cita yang lain seperti bermiaga kerana mereka mendapati bidang pertanian yang sudah sekian lama diceburi tetapi tidak juga senang.

Andaian Oscar Lewis yang mengatakan bahawa budaya miskin akan diperturunkan dari 'generasi' ke generasi dan masyarakat akan terus terperangkap adalah tidak sesuai diaplikasikan kepada kawasan kajian. Ini dapat dilihat pada bidang pelajaran di mana jurang yang luas antara pendidikan yang diterima oleh ibubapa dengan anak-anak. Dengan mempunyai pendidikan anak-anak mereka ini suatu hari nanti akan menjawat jawatan penting ataupun mencburkan diri dalam bidang lain yang sudah tentu dapat mengubah nasib keluarga mereka. Kajian yang dijalankan ini adalah bersesuaian dengan kajian Wan Hashim (1984: 97) mengatakan bahawa,

"Sejak zaman penjajahan hingga hari ini, keadaan hidup orang Melayu telah jauh berbeda dari keadaan mereka abad 19. Ramai anak-anak tani sudah mendapat pendidikan tinggi, berhijrah ke bandar dan mendapat pekerjaan sepenuh masa dengan kerajaan ataupun badan swasta!"

Masyarakat luar bandar pada hari ini sudah mulai bergiat dalam berbagai-bagai lapangan yang suatu masa dahulu sangat asing bagi mereka. Jadi adalah tidak benar **seperti** teori budaya miskin Oscar Lewis bagi kawasan kajian kerana pengkaji mendapati telah ada perubahan dari segi pelajaran, keluarga petani dan sudah tentu suatu hari nanti menjadi seperti apa yang dikatakan oleh Wan Hashim (1984: 97) dan Syed Hussein Al-Attas (1972: 66).

Teori pertambahan bilangan penduduk dihubungkan dengan tanah didapati sesuai di kawasan kajian. Kawasan kajian didapati

tidak ada lagi tanah untuk generasi akan datang melainkan tanah warisan (pesaka). Ini akan terjadinya pemecahan lot-lot kecil. Ini jelas bagi tanah bergeran bagi penduduk tempatan di mana terdapat ahli dalam keluarga yang tidak mendapat tanah apabila berkakunya pembahagian. Kajian ini juga mendapati tanah pesaka yang dijual dan dibahagikan wang antara waris-waris ataupun tanah tersebut diwarisi dengan cara waris mana yang sanggup membelinya dan diadakan pembahagian wang tersebut antara waris. Dengan demikian semakin ramai orang yang tidak mempunyai tanah. Tiap ahli keluarga akan bertambah namun tanah tidak bertambah dan hasil jarang bertambah dan diikuti dengan kenaikan harga barang maka petani terus tinggal dalam kemiskinan.

Akibat kekurangan teknologi dan modal, cara tradisional begitu meluas dalam mengusahakan sawah. Ini menyebabkan daya pengeluaran yang rendah di kawasan kajian. Dalam pengeraaan sawah cuma terdapat sebuah jentera sahaja di kawasan kajian. Mereka gagal menggunakan jentera di kawasan kajian akibat kekurangan modal. Begitu juga bagi penoreh getah, mereka bukannya tidak mahu menebang getah-getah yang tua dan ditanam semula tetapi, mereka kekurangan modal. Selain dari kekurangan modal, jika getah ditebang maka putuslah sumber pendapatan mereka. Bagi nelayan, kekurangan bot-bot berinjin yang besar dan modal menyebabkan hasil tangkapan adalah kurang dan rendah dalam pendapatan. Apabila kurang pendapatan, maka kuranglah modal untuk membeli peralatan moden. Ini terus menjerut petani kawasan kajian dalam kemiskinan.

Didapati teori ketidaksamaan ekonomi dan sosial, iaitu susunlapis sosial yang mengatakan golongan miskin datangnya dari kelas bawah yang dieksplot dari segi ekonomi oleh kelas atasan tidak dapat diaplikasikan di kawasan kajian. Ini kerana kawasan kajian tidak terdapatnya sistem kelas yang **ketara** dan adanya eksplot oleh golongan tertentu terhadap golongan tertentu. Tidak adanya penguasaan faktor-faktor pengeluaran (out put) di mana kedudukan ekonomi dan sosial adalah hampir sama rata (lihat bab 4 - jadual pendapatan, pemilikan harta dan kemudahan asas dan hutang).

Pendapat Parkinson bahawa kemiskinan orang Melayu dan luar bandar adalah sikap yang terlalu berserah kepada **qada** dan **qadar** adalah silap. Pengkaji telah mendapati hasil kajian petani di sini berusaha dengan gigih. Ini terbukti di mana petani sanggup menanam padi dua tiga kali jika tanamannya diserang oleh tikus, babi, gajah dan serangga perosak. Konsep ini telah salah tafsirkan oleh Parkinson kerana dalam Islam berserah kepada Allah adalah setelah habis segala daya usaha, bukannya berserah bulat-bulat. Allah telah berfirman, (13: 2) bermaksud;

"Tuhan tidak mengubah nasib satu kaum kiranya kaum itu sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya" dan (18: 29) "Katakan, kebenaran itu datang dari tuhan, sebab itu siapa mahu berimanlah, dan siapa yang tidak mahu, janganlah beriman".

Sejarah telah membuktikan bahawa di zaman nabi dan Khulafa Al-Rasyidin<sup>1</sup> Islam telah mencapai kemajuan yang tinggi dari segi ekonomi hingga di zaman Osman tidak ada orang yang layak menerima zakat. Di zaman ini adalah zaman orang Islam paling kuat berpegang kepada hukum Allah dan berserah kepadanya.

Pendapat Parkinson yang mengatakan bahawa petani Melayu adalah boros dan berbelanja lebih adalah tidak benar di dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pendapatan petani digunakan untuk keperluan makanan yang bersesuaian dengan teori kecenderungan sut. Dalam keadaan demikian petani gagal membuat simpanan kerana pendapatan yang secukup hidup. Ini menyebabkan berlakunya hutang di kalangan petani di kawasan kajian. Dalam kajian ini, petani yang berhutang dan bergadai bukanlah disebabkan berbelanja boros. Mereka melakukannya kerana terpaksa akibat dari ketidakcukupan untuk keperluan asas terutamanya makanan.

Nordin Selat (1978: 93) mengatakan bahawa kemiskinan itu boleh mencetuskan kemiskinan yang lain. Kenyataan beliau ini ada kebenarannya dengan kajian yang dilakukan di kampung Setajam. Disebabkan keadaan kehidupan yang sempit ramai anak petani yang terpaksa berhenti setakat sekolah rendah sahaja kerana ibubapa mereka tidak mampu dari segi ekonomi.

1

Abu Bakar, Al-Siddiq, Omar Al-Khattab, Osman Affan dan Syaidina Ali Abi Talib.

Dari jenis makanan, mereka makan bukannya mengikut khasiat tetapi hanya untuk kenyang. Mereka jarang membeli sayur-sayuran di pasar, daging dan ikan basah. Mereka makan ikan kering dan juga ikan sawah. Dengan demikian sumber zat makanan mereka adalah terhad. Di samping itu juga minat mereka terhadap politik adalah kurang kerana kesempitan hidup yang menghalang mereka ber-giatan dalam politik. Ini kerana bagi mereka masa itu adalah digunakan untuk mencari nafkah. Mereka juga adalah kurang menikmati kemudahan asas. Ini kerana tidak mampu untuk membayar kos yang dikenakan seperti bayaran memasukan air, api dan talipon. Didapati penduduk yang mempunyai cita-cita adalah golongan muda dan juga ekonomi yang baik. Bagi yang miskin dan tua, mereka nampaknya ingin terus mengekalkan pekerjaan sekarang.

Dalam kajian ini, faktor yang memberikan kesan besar kepada daya pengeluaran adalah teknologi, modal dan benih yang digunakan. Dengan itu penggunaan teknologi haruslah dipergiatkan, kredit patut diperbanyak dan penyelidikan mengenai penyakit dan cara-cara mengatasi serangan tikus harus dicari. Segala subsidi atau bantuan tertentu pula harus disalurkan dengan baik agar ia-nya tidak dinikmati segelintir petani dan melibatkan golongan yang sudah senang. Syarat kredit oleh bank patut dilonggarkan seperti cagaran tanah, kerana sudah diketahui petani yang mendatang di kawasan kajian tidak mempunyai tanah yang bergeran.

Bagi petani kawasan kajian, sudahlah pengeluaran rendah mereka pula cuma menanam setahun sekali. Dengan ini pembinaan empangan dan taliair patut dilakukan dengan segera. Penggunaan jentera tidak mendatangkan faedah yang banyak jika petani cuma mengusahakan sawah setahun sekali. Pemasaran yang sempurna harus diadakan seperti LPN, Risma dan Majuikan agar mereka tidak dieksplot. Pemasaran yang baik ini secara tidak langsung menggalakan mereka berusaha lebih giat. Pihak kerajaan melalui agensinya pula harus membeli dengan harga yang berpatutan agar pendapatan mereka tidak rendah.

Bagi kaum belia pula, penghijrahannya mereka ke bandar harus disekat. Ini untuk mengelakan kekurangan tenaga kerja. Oleh itu pihak kerajaan harus melabur dengan banyak di kawasan luar bandar bagi mewujudkan peluang-peluang **pekerjaan dengan menggunakan tenaga muda produktif** dapat ditingkatkan.

Kelemahan-kelemahan dasar dan perlaksanaan rancangan pembangunan kerajaan di kampung Setajam merupakan antara faktor yang menyebabkan penduduk kampung ini terus dalam kemiskinan. Projek Sawah Endau-Rompin yang dibuat perancangan sejak tahun 1977<sup>1</sup> masih gagal menyiapkan projek ini dengan sepenuhnya di mana tiada-

1

Hasil temubual dengan Pengarah Komponen Projek Sawah Endau-Rompin En. Mohammad bin Sabtu pada 24.4.1985.

nya empangan, taliair-taliair, bantuan jentera dan kemudahan pemasaran disediakan. Di samping itu pihak projek sekali sahaja terlibat dengan pembersihan hutan untuk dijadikan sawah pada tahun 1979<sup>1</sup>. Selain daripada projek Sawah Endau-Rompin ini tidak terdapat projek-projek seperti mini estet oleh Risda dan projek ternakan untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung Setajam.

Walaupun Dasar Ekonomi Baru akan tamat pada tahun 1990 namun masalah pembasmian kemiskinan ini masih tidak dapat diatasi. Memandangkan kepada hakikat ini, seujarnyalah pihak kerajaan mengkaji semula segala perancangan dan strategi yang digubal untuk mencari di mana silapnya. Dalam hubungan ini pihak penggubal dasar hendaklah memberikan tumpuan khas serta berperancangan kepada sesuatu projek. Pandangan serta masalah yang dihadapi oleh mereka haruslah diberi perhatian kerana mereka yang menghadapinya. Sesuatu perancangan mesti bermula dari bawah dan memahami kehendak dan bersesuaian dengan komuniti tersebut.

Di samping itu dalam keghairahan membasmi kemiskinan, soal-soal kerohanian, agama, moral serta pendidikan akhlak haruslah terancang dan teratur agar nanti masyarakat yang dilahirkan merupakan masyarakat yang bermaruah dan bermoral tinggi tanpa memandang kepada material sahaja. Tanpa maruah dan moral yang tinggi

1

Hasil temubual dengan Tok Sidang pada 27.4.1985.

kemajuan satu-satu masyarakat adalah tidak lengkap.

Pada pendapat pengkaji bentuk-bentuk kajian lanjutan yang sesuai pada masa hadapan adalah kajian tentang perubahan sosio-ekonomi dan pola pemilikan tanah. Kajian tentang perubahan sosio-ekonomi penduduk kampung Setajam kesan daripada Projek Sawah Endau-Rompin adalah penting kerana motif projek ini adalah untuk menaikkan taraf penduduk luar bandar. Projek ini dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun 1987<sup>1</sup>. Pada masa kajian kes ini dilakukan, projek ini tidak berjalan sepenuhnya lagi seperti ketiadaan emangan, taliair-taliair, tanah-tanah dan pemasaran oleh pihak projek. Kajian tentang pola pemilikan tanah adalah sesuai pada masa hadapan kerana pihak Projek Sawah Endau-Rompin membahagikan sawah secara pemilihan. Pemilihan hanya kepada yang berumur 45 tahun ke bawah serta tidak semuanya golongan 45 tahun ke bawah mendapat tanah sawah itu nanti. Ini sudah tentu mewujudkan golongan tidak bertanah yang hanya menjadi penyewa dan juga tuan tanah. Dengan ini akan melahirkan satu masyarakat yang mempunyai stratifikasi sosial yang ketara.

Daripada kajian yang dijalankan dapatlah disimpulkan bahawa petani di kampung Setajam masih di bawah tahap kemiskinan

1

Hasil temubual dengan Pengarah Komponen Projek Sawah Endau-Rompin En. Mohamad b. Sabtu pada 24.4.1985.

iaitu dengan pendapatan purata \$180<sup>1</sup> sebulan. Mereka miskin baik segi ekonomi dan bukan ekonomi bukan kerana sikap mereka tetapi adalah kerana faktor-faktor di luar kemampuan mereka mengatasinya. Dengan demikian mereka menjadi golongan yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi. Oleh itu bagi yang berkuasa mengatasinya masalah tersebut harus mengambil tindakan segera agar mereka tidak tinggal dalam kemiskinan sedangkan mereka masih pengeluar makanan dan golongan lain sudah hidup dengan penuh kemewahan.

4. Lewis Coser, The Sociology of Poverty, vintage Books, New York, 1954.
5. Lewis Coser, "The Culture of Poverty," dalam Anthropological Quarterly, New York, Random House, 1970.
6. Malaysia, Kependidikan Kebangsaan 1971-1975, Perbadanan Negara, Kuala Lumpur, 1972.
7. Malaysia, Ramalan Malaysia Ketika 1979-1981, Jabatan Persemaian Negara, Kuala Lumpur, 1976.
8. Malaysia, Statistik Malaysia 1981, Jabatan Persemaian Negara, Kuala Lumpur, 1982.
9. Malaysia, Keluaran Sosial Penduduk Di Bawah Malaysia Kemajut 1971-1981, Jabatan Persemaian Negara, Kuala Lumpur, 1984.
10. Nordin Dato, Bumiputera, Penerbitan dan Distributor, Sdn. Bhd., 1970.
11. Tunku Ismail, Malaya, Economic Policy in the Economic Integration of the Asian Rural Areas, London, 1967, halaman 31-46.

<sup>1</sup> Garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Penyelidikan Sosio-Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (SERU) ialah \$384.00 bagi 6 orang pada tahun 1983.

## BIBLIOGRAFI

A. Teks

1. Abdullah dan Khalid Hussain, Pendita Za'ba Dalam Kenangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
2. Ahmad Mahzan Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.
3. Ishak, Shaari, Jomo Kwame Sundram, Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan 27 tahun Selepas Merdeka, Insan (Institiut Analisa Sosial, Petaling Jaya, Selangor, 1984.
4. Lewis Oscar, La Vida, Vintage Books New York, 1966.
5. Lewis Oscar, "The Culture of Poverty" dalam Anthropological Essays, New York, Random House, 1970.
6. Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1971.
7. Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1976.
8. Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981.
9. Malaysia, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1984.
10. Nordin Selat, Renungan, Utusan Publication dan Distributors, Sdn. Bhd. 1978.
11. Parkinson, B.K., Non-Economic Factor In The Economic Retardation of The Asian Rural Malays "Modern Asian Studies", Vol. 1, Pt. 1, Cambridge University Press, London, 1967, halaman 31-46.

12. Rein, Martin, Problem In The Definition And Measurement of Poverty dalam Townsend Peter (ed.), The Concept of Poverty, Heinemann Paperback, London.
13. Roach, J.L. and Roach, J.K., Poverty, Penguin Books, 1972.
14. Schillev, B.R., The Economic of Poverty & Discrimination New Jersey, Prentice Hall, Inc, 1973.
15. Sellitz, Research Method In Social Relation, Rhinehart and Wington Halt, New York, 1959.
16. Syed Husin Ali, Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan, Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1979.
17. Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1979.
18. Syed Husin Ali, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karangcraf Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1978.
19. Syed Husin Ali, "Punca Kemiskinan" Madi Insan, Bil (50) Jun 1983.
20. Syed Husin Al-Attas, Siapa Yang Salah, Pustaka Nasional, Singapura, 1972.
21. Ungku Aziz, Jejak-jejak Di Pantai Zaman, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
22. Ungku Aziz, Rencana-Rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Pustaka Melayu, Singapura, 1969.
23. Wan Hashim, Petani dan Persoalan Agraria, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1984.
24. William Wilder, "Islam, Other Factor and Malay Back Wardness: Comment On An Argument, Modern Asian Studies Vol. 11, Pt. 2, Cambridge University Press, 1968, halaman 341-346.
25. Zainal Kling (ed.), Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1977.

B. Laporan-laporan dan Makalah

1. "Laporan Kemajuan Perlaksanaan Projek-projek Khas Negeri Pembangunan Luar Bandar Daerah Rompin sehingga 31hb. Disember 1983" (tidak diterbitkan).
2. "Laporan Kemajuan Perlaksanaan Projek-projek Khas Negeri Pembangunan Luar Bandar Daerah Rompin sehingga 30hb. September 1984" (tidak diterbitkan).

C. Tesis (Latihan Ilmiah)

1. Borhan Dollah, "Kemiskinan Di Kalangan Pesawah Satu Kajian Kes Di Mukim Bacang, Melaka", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1983. (tidak diterbitkan).
2. Kamarudin Mohd. Said, Struktur Pemilikan Tanah Dan Kemiskinan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975. (tidak diterbitkan).
3. Mohd. Fauzi Hj. Yaacob, Ugama Dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Di Kalangan Orang-Orang Melayu, Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979. (tidak diterbitkan)
4. Yusuf Suratman, Kemiskinan Di Kalangan Orang Melayu Bandar, Tesis M.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

D. Akhbar Tempatan

1. Berita Harian - 30.5.83, 15.11.83, 22.9.85, 7.1.86.
2. Mingguan Malaysia - 22.9.85
3. Utusan Melayu - 11.4.1983 dan 29.11.1983.
4. Watan - 22.8.1985.